



- A. Baca sajak di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan.

Bahasa yang Sama II

Mari kita berbahasa
dalam bahasa yang sama
penuh santun wibawa.

Bahasa kita
mengakrabkan bangsa
bahasa kita
memperkukuh perpaduan insan
bahasa kita
memperteguh wawasan kehidupan
anak-anak nusa bangsa
cendekia bitara
di buana nusantara
di buana antarabangsa.

Mari kita berbahasa
dalam bahasa yang sama
demi cinta
demi setia
demi adicita
anak-anak nusa bangsa
bahasa yang sama
bahasa nadi bangsa
bahasa jiwa bangsa!

Chai Loon Guan
Daerah Muallim

1. Berdasarkan sajak, berikut ialah kegunaan bahasa, kecuali
 - A. memperteguh wawasan
 - B. menjajah suatu bangsa
 - C. mengeratkan bangsa
2. Berdasarkan sajak, bahasa berupaya menyatukan manusia yang berbilang bangsa kerana bahasa berfungsi sebagai _____.
3. Kenal pasti kata terbitan yang terdapat dalam bahan dan bina ayat.
4. Berbincanglah dengan rakan untuk menganalisis isu semasa yang diperkatakan dalam bahan.
5. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam sajak, hasilkan penulisan dengan wacana yang lengkap.
6. Persembahkan sajak tersebut secara kreatif.

B. Teliti tajuk keratan akhbar yang dipaparkan. Kemudian, jawab soalan-soalan di bawah.



TEMA 10

Sains dan Teknologi Pemacu Kemodenan

1. Warisan budaya kebangsaan perlu dipelihara kerana _____

2. Berdasarkan tajuk keratan akhbar yang dipaparkan:
 - i) Hasilkan kerangka karangan jenis pendapat tentang usaha mengetengahkan keunikan budaya di Malaysia pada peringkat antarabangsa.
 - ii) Berdasarkan kerangka karangan tersebut, tulis karangan.
 - iii) Baca karangan tersebut secara mekanis.
3. Lengkapkan penulisan di bawah ini dengan wacana yang betul dan binaan ayat yang terdiri daripada pelbagai frasa.

Negara ini mempunyai rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum. Kepelbagaian kaum ini telah mewujudkan keunikan ...

C. Baca dan fahami petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang disediakan.

Bakti Tidak Bersempadan

Keprihatinan seorang anak muda tentang nasib Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman mendorongnya melakukan inovasi dalam penghasilan air bersih. Inovasi ini memudahkan penduduk kampung menjalani kehidupan. Ganesh Muren, seorang pelajar dari universiti tempatan, berjaya mencipta sistem penapisan air yang **dipacu oleh tenaga suria**. Inovasi ini dapat membantu penduduk di kawasan pedalaman menikmati bekalan air bersih.

Ciptaan Ganesh ini menggunakan tenaga suria untuk menghidupkan pam. Pam ini digunakan untuk mempercepat pengeluaran air yang sudah melalui proses penapisan bertingkat. Tenaga suria yang berlebihan daripada aktiviti pengepaman air ini digunakan pula untuk penjaan tenaga elektrik bagi generator.

Penduduk kampung ini bergantung pada penggunaan generator bagi mendapatkan bekalan elektrik. Dengan adanya inovasi daripada Ganesh, generator di kampung tersebut dapat dihidupkan dengan menggunakan tenaga suria. Tindakan Ganesh ini amat baik dalam menyelesaikan masalah penduduk kampung.

Tindakan Ganesh ini sepatutnya menjadi contoh kepada rakyat Malaysia yang lain. Beliau berjaya memanfaatkan ilmu kejuruteraan yang dimilikinya, iaitu menghasilkan peralatan pembersihan air. Bukan itu sahaja, beliau juga memanfaatkan tenaga suria secara bijak demi kebaikan semua penduduk kampung.

Usaha murni yang dijalankan oleh Ganesh sungguh membanggakan. Beliau menerima anugerah *Here For Good*, iaitu anugerah yang diberikan kepada pelajar yang mencetuskan perubahan sosial oleh rangkaian *Laureate International Universities*. Beliau menerima anugerah itu dalam suatu majlis di Chicago, Amerika Syarikat.

Ganesh percaya bahawa kesungguhan, kreativiti, dan segala usaha baik yang berterusan pasti membuahkan hasil. Beliau berharap agar menjelang tahun 2018, usahanya yang berterusan ini dapat membantu lebih daripada 10 000 buah keluarga.

(Sumber: <https://www.bharian.com.my/node/178793>)

1. Berikan maksud frasa **dipacu oleh tenaga suria**.
2. Nyatakan **dua** kegunaan tenaga suria yang terdapat dalam petikan di atas.
3. Kenal pasti **dua** frasa kerja dan **dua** frasa nama yang terdapat dalam petikan di atas.
4. Pada pendapat anda, apakah yang mendorong Ganesh menghulurkan bantuan kepada penduduk Orang Asli?
5. Berundinglah dengan rakan anda untuk memilih inovasi yang boleh membantu pihak lain.

TEMA 11

ALAM ANUGERAH TERINDAH

“Lihatlah jauh ke dalam alam, kemudian anda akan tahu bahawa segala-galanya lebih baik.”

- Albert Einstein (Ahli Fizik Barat)

- Anugerah Pokok untuk Manusia
- Putrajaya Berwawasan
- Manfaat Filem X-ray
- Badak Sumbu Sumatera
- Pantun Nasibmu Badak
- Manfaat Kereta Elektrik



Mendengar
dan Bertutur

Terima Kasih Pokok



Aktiviti

Berdasarkan gambar, bersoal jawablah tentang:

- Sikap manusia terhadap pokok.
- Langkah memupuk kesedaran tentang kepentingan pokok.
- Perkaitan pokok dengan kehidupan yang sejahtera.



TEMA 11

Alam Anugerah Terindah

Anugerah Pokok untuk Manusia



Mengindahkan pemandangan



Meningkatkan nilai hartanah



Menyatupadukan masyarakat



Membekalkan dan menyerap oksigen



Menampan bunyi bising



Mengurangkan stres



Cerna Minda

1. Hasilkan video dokumentari tentang alam sekitar yang terdapat di tempat anda.
2. Buat kritikan terhadap video dokumentari tersebut.



1.5.1 Bersoal jawab untuk mencambahkan idea secara kritis dan bertatasusila.



Antara Masdar dengan Putrajaya



1. Baca petikan dengan menggunakan teknik ACID, kemudian kemukakan pendapat anda.
2. Kenal pasti lima ayat tunggal dan lima ayat majmuk dalam bahan.
3. Bina lima ayat tunggal dan lima ayat majmuk. Kemudian, tukarkan struktur ayat-ayat tersebut.



TEMA 11

Alam Anugerah Terindah

Putrajaya Berwawasan

Alif melemparkan pandangan ke luar jendela rumahnya, di bandar Masdar, Emiriyah Arab Bersatu. Pemandangan hijau di bandar itu amat memukau. Suhu dingin menyerkup tubuhnya. Dia berasa cukup selesa.

“Kita perlu balik ke Malaysia, Alif. Ayah perlu bertugas di negara kita mulai bulan hadapan,” demikian kata-kata ayahnya yang menggugat ketenangan Alif.

“Alif tidak mahu, ayah. Di bandar ini, segala-galanya ada. Udara sejuk, tiada pencemaran dan segala-galanya menggunakan sensor. Kenderaan tanpa pemandu menggunakan kuasa elektrik dan bebas karbon,” kata Alif kepada ayahnya.

“Baru lima tahun Alif di sini, sudah memandang rendah negara sendiri, ya,” kata ayah, kesal. “Ingat peribahasa kita, hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, baik juga di negeri sendiri. Di situlah tempat tumpah darah kita,” katanya lagi.

“Itu Alif tahu ayah tetapi Alif sudah jatuh kasih akan bandar ini. Alif hendak terus tinggal di negara ini.”

“Janganlah kerana kelebihan yang ada di negara orang, kita lupa akan negara kita. Ayah percaya bahawa bandar hijau seperti Masdar ini turut ada di negara kita.”

Di Malaysia, Alif dan keluarganya tinggal di Putrajaya. Kali pertama menjejakan kaki di bandar itu, Alif terkesima. Suasana menghijau dengan pelbagai taman yang mengelilingi tasik cukup mengujakannya.

“Alif seronok tinggal di bandar ini?” ayah Alif sengaja bertanya untuk memancing respons Alif.

“Ya, ayah. Alif tidak sangka ada bandar hijau di negara kita. Alif berasa seronok tinggal di sini. Minggu depan Alif akan mewawancara pegawai di Perbadanan Putrajaya mengenai teknologi hijau di bandar ini.”

Alif mewawancara Encik Rashidi bin Ibrahim, Pegawai di Bahagian Pembangunan Mampan, Perbadanan Putrajaya, mengenai teknologi hijau di bandar tersebut.

Alif: Selamat pagi, encik.

Encik Rashidi: Ya, selamat pagi.

Alif: Saya, Muhammad Alif bin Othman dari Sekolah Menengah Kebangsaan Kencana. Pertama sekali, bolehkah encik nyatakan konsep bandar ini?

Encik Rashidi: Bandar ini berkonsepkan bandar dalam taman yang mengutamakan alam sekitar dan kehijauan.

Alif: Bagaimanakah Putrajaya menjayakan konsep tersebut?

Encik Rashidi: Untuk menjayakan konsep ini, Putrajaya mewujudkan sembilan buah taman yang cantik, antaranya ialah Taman Perdana dan Taman Wawasan. Setiap taman ini mempunyai daya tarikkannya yang tersendiri.

Alif: Apakah bentuk pelaksanaan teknologi hijau di sini?

Encik Rashidi: Sebenarnya banyak pelaksanaan teknologi hijau di sini, antaranya ialah pembinaan bangunan hijau dan bangunan cekap tenaga, iaitu Bangunan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Bangunan ini mampu menjimatkan tenaga sehingga 57 peratus.

Alif: Bagaimanakah pula dengan usaha bandar ini untuk menjadi bandar rendah karbon?

Encik Rashidi: Untuk mencapai matlamat tersebut, bas-bas di bandar ini menggunakan Gas Asli untuk Kenderaan (NGV). Pada masa akan datang, bandar ini akan menggunakan bas-bas elektrik.

Alif: Saya difahamkan bahawa bandar ini menerapkan teknologi penuaian air hujan.

Encik Rashidi: Ya, memang benar. Amalan tersebut dijalankan dengan dua skala, iaitu berskala besar dan berskala kecil. Bagi yang berskala besar, tasik-tasik di sini dijadikan kolam tadahan untuk mengairi landskap manakala yang berskala kecil pula, air digunakan untuk kegunaan domestik.

Alif: Terima kasih encik atas maklumat yang diberikan ini.

Encik Rashidi: Sama-sama.



Cerna Minda

Persembahkan cerpen dengan menggunakan teknik teater pembaca.



2.4.1 Membaca dan memahami serta mengemukakan pendapat yang rasional tentang pelbagai bahan fiksiyen dan bukan fiksiyen.

5.5.1 Membina dan menukar struktur ayat dengan betul dan tepat mengikut konteks.



Terbuang Menjadi Terbilang

TEMA 11

Alam Anugerah Terindah



1. Baca kedua-dua bahan dengan menggunakan teknik CHATT untuk mengenal pasti maklumat.
2. Susun maklumat daripada bahan tersebut. Kemudian, tulis ringkasan dengan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.

Syafiq, murid Tingkatan Tiga Pintar, telah ditugaskan membuat kajian mengenai bahan kitar semula. Dia berminat untuk mengetahui barangan yang dapat dikitar semula daripada filem X-ray. Dia membaca rencana dan meneliti surat balasan yang diterimanya daripada sahabat penanya.



Lestari Alam
Oleh: Azahar bin Bahari

Manfaat Filem X-ray

Prosedur X-ray menghasilkan imej bahagian-bahagian dalaman tubuh yang bertujuan untuk memeriksa bahagian-bahagian tubuh yang tertentu. Selepas tujuan tersebut dipenuhi, filem-filem X-ray ini tidak lagi dapat digunakan untuk tujuan lain dan perlu dilupuskan dengan kaedah yang selamat.

Sehubungan dengan itu, filem X-ray seharusnya dilupuskan dengan kaedah yang betul. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap filem X-ray mengandungi plastik, perak, logam berat, dan bahan yang berbahaya. Jika filem tersebut dibuang tanpa mematuhi prosedur yang betul, tindakan ini akan memudaratkan kesejahteraan manusia. Tambahan pula, filem X-ray amat sukar untuk terurai dengan sendirinya.

Sebenarnya, filem X-ray dapat dikitar semula menjadi bahan yang bermanfaat. Filem X-ray dapat dijadikan kompaang bagi menggantikan kompaang tradisional. Selain itu, kajian Dr. Essam A. Makky dari Universiti Malaysia Pahang mendapati bahawa medium perak yang terdapat pada filem X-ray dapat dijadikan zarah nano. Kemudian, bahan ini diaplikasikan dalam produk antibakteria.

Kajian beliau ini telah memenangi Pingat Emas dalam Pameran Bio-Malaysia pada tahun 2013 melalui penyelidikan yang bertajuk, *Biotechnology of Hazardous Waste Management for Nano Particle Production*.



(Sumber: www.ump.edu.my)

14 Bedford Row,
London,
WC1R 4JS,
United Kingdom.
22 Mei 20□□.

Menemui sahabatku, Syafiq, yang berada di Kuala Lumpur. Saya berharap semoga saudara dan keluarga berada dalam keadaan sihat sejahtera.

Saudara,

Saya mengucapkan terima kasih atas kiriman surat saudara tempoh hari. Saya begitu tertarik oleh pertanyaan saudara tentang amalan kitar semula filem X-ray di negara saya. Saya akan cuba memberikan penjelasan kepada saudara.

Filem-filem X-ray diproses menjadi hablur perak dan dijadikan jongkong perak. Di samping itu, filem-filem X-ray juga dikitar semula menjadi barangan perhiasan wanita seperti rantai, gelang tangan, dan anting-anting. Barangan tersebut mahal harganya kerana hasil seninya yang unik dan kreatif.

Selain itu, filem-filem X-ray juga dijadikan kraf tangan seperti terendak lampu dan payung. Kebanyakan hasil kraf tangan ini mendapat sambutan kerana pembeli tertarik oleh nilai estetika produk tersebut. Saya percaya bahawa negara saudara juga begitu inovatif dalam menghasilkan produk kraf tangan daripada filem-filem X-ray ini.

Sampai di sini sahaja surat saya pada kali ini. Saya berharap semoga saudara mendapat manfaat daripada penjelasan ini. Saya juga berharap kita dapat berjumpa semasa cuti sekolah yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,
John McKenzie



Cerna Minda

Hasilkan reka cipta daripada bahan terbuang dan pamerkannya.



3.5.1 Menulis dan menyusun maklumat serta membuat ringkasan daripada pelbagai bahan prosa menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.



TEMA 11

Alam Anugerah Terindah





Mendengar dan Bertutur



Seni Bahasa

Masih Adakah Harapan?

TEMA 11

Alam Anugerah Terindah



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, berbincanglah secara kritis tentang punca dan kesan kepupusan badak sumbu Sumatera.
2. Persembahkan pantun secara kreatif.
3. Nyatakan maksud tersurat dan tersirat dalam pantun.

Badak Sumbu Sumatera

Dicerorhinus Sumatrensis

- Mempunyai dua sumbu.
- Suka bergerak bersendirian.
- Suka berkubang.

Berat

530 - 750 kg

Ketinggian

1.2 m

Jangka Hayat

35 tahun

Faktor Kepupusan



Kehilangan habitat akibat aktiviti pembalakan dan pembangunan.



Jarak di antara sebuah hutan simpan dengan hutan simpan yang lain agak jauh hingga menyukarkan badak membiak.



Aktiviti pemburuan haram untuk mendapatkan tanduk, darah, dan anggota lain yang diperlukan untuk perubatan tradisional.



Tahap kesuburan badak sumbu Sumatera semakin menurun.

(Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah)

Pantun Nasibmu Badak

Kalau hendak tuju ke seberang,
Kala kelam cari kemangi;
Populasi badak kian berkurang,
Masih terancam walau dilindungi.

Kala kelam cari kemangi,
Hujung tepian angin menderu;
Masih terancam walau dilindungi,
Tanpa ihsan kejam diburu.

Hujung tepian angin menderu,
Lebat berbuah ranum bidara;
Tanpa ihsan kejam diburu,
Pelihara khazanah berharga negara.

Lebat berbuah ranum bidara,
Lalu dipetik raga diisi;
Pelihara khazanah berharga negara,
Spesies unik tatapan generasi.

Lalu dipetik raga diisi,
Makin luak buat rincisan;
Spesies unik tatapan generasi,
Terus dibiak elak kepupusan.

Saripah binti Khalit
SMK Alang Iskandar



Cerna Minda

Hasilkan sajak yang berkaitan
dengan hidupan liar.



- 1.8.1 Mengkritik secara membina tentang sesuatu isu kemasyarakatan dengan kritis dan jelas menggunakan ayat yang gramatis.
- 4.1.2 Memahami dan mengapresiasi karya puisi dengan memberikan respons peribadi tentang maksud tersurat dan tersirat dalam sesuatu puisi.

TEMA 11

Alam Anugerah Terindah



Fantastik Kereta Elektrik



1. Fahami bahan dan kenal pasti maklumat dalam bahan.
2. Hasilkan penulisan yang menarik dan kreatif dengan mengadaptasi bahan.



TEMA 11

Alam Anugerah Terindah

Manfaat Kereta Elektrik

Penggunaan kereta elektrik di negara maju semakin popular. Kereta elektrik mempunyai banyak kebaikan berbanding dengan kereta biasa.

Kos penyelenggaraan kereta elektrik rendah kerana kereta ini tidak mempunyai ekzos, motor penghidup kereta, sistem suntikan minyak, radiator, dan tidak menggunakan minyak enjin.

Risiko terbabas dapat dikurangkan kerana beban tambahan yang terdapat di bawah lantai kereta ini menjadikan pusat gravitinya lebih rendah.


Harga elektrik lebih murah berbanding dengan harga bahan api. Harga bahan api juga berisiko mengalami kenaikan.

Bateri yang digunakan oleh kereta ini dapat dicas di stesen minyak yang terpilih.

Penyelenggaraan kereta ini hanya melibatkan brek, tayar, suspensi, dan alat penyaman udara.

Kereta ini juga kurang risiko kebakaran kerana tidak menggunakan minyak sebagai bahan bakar.

Kereta elektrik bersifat mesra alam kerana tidak mengeluarkan karbon monoksida dan lebih senyap.



Hakikatnya, kereta elektrik ialah kereta yang hebat. Kini, universiti tempatan di negara kita giat memajukan penyelidikan mengenai kereta tersebut yang bakal bergerak di jalan-jalan raya di negara kita tidak lama lagi.



Universiti Putra Malaysia (UPM) yang terkenal dengan amalan teknologi hijau yang lestari, kini maju selangkah lagi dengan membawa kereta elektrik yang bersifat mesra alam untuk kegunaan warganya. Kereta tersebut, *Chotto Odekake Machimade Suisui* (COMS) ditaja oleh sebuah syarikat pengeluar kereta Jepun. Tajaan tersebut merupakan sebahagian memorandum persefahaman antara UPM dengan pengeluar kereta Jepun. Tajaan ini menjadi pemangkin dalam kalangan penyelidik UPM untuk membangunkan kereta elektrik di negara kita.

Spesifikasi COMS

Panjang: 2395 mm

Lebar: 1095 mm

Tinggi: 1500 mm

Kuasa maksimum: 250 Nm

Kelajuan maksimum: 160 km

Masa mengecas: 6 jam

(Sumber: www.upm.edu.my)



Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berjaya membangunkan sistem pengecas kereta elektrik yang dikenali sebagai *Electrical Vehicle* (MyEV).

Sistem pengecas ini dibangunkan oleh Sekolah Informatik Termaju, UTM Kampus Kuala Lumpur (UTM AIS) dengan kerjasama dua buah syarikat elektrik Jepun yang berpangkalan di Malaysia.

MyEV dilengkapi perisian GPS yang dapat mengenal pasti lokasi pemandu dan memaklumkan pemandu tentang lokasi stesen pengecas yang terdekat.

UTM juga akan membangunkan aplikasi MyEV yang membolehkan pengguna mendapat mesej pemberitahuan menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) apabila bateri kereta selesai dicas.

Spesifikasi Pengecas Kereta Elektrik MyEV

Masa mengecas: 4 jam

Kadar mengecas: RM8.00

Jauh pergerakan: 160 km

Sistem pemantauan: Perisian GPS

(Sumber: www.ais.utm.my)

TEMA 11

Alam Anugerah Terindah



Cerna Minda

Hasilkan sebuah rencana yang berkaitan dengan kebaikan kenderaan elektrik.



3.6.1 Menulis dan mengadaptasi sesuatu bahan prosa kepada pelbagai bentuk penulisan yang baharu, betul, sesuai dan menarik.



Kembali kepada Alam



1. Baca petikan dengan telitinya dan kenal pasti isi-isi penting.
2. Tulis ringkasan karangan daripada petikan ini.

TEMA 11

Alam Anugerah Terindah

Bahan Mesra Alam

Kualiti dan produktiviti produk pertanian dapat ditingkatkan menerusi penggunaan racun makhluk perosak dan baja kimia. Walau bagaimanapun, usaha alternatif yang bersifat mesra alam perlu diberi keutamaan kerana dapat menjimatkan wang dan tidak mendatangkan kesan buruk kepada kesihatan manusia.

Bagi menggantikan penggunaan racun makhluk perosak, petani boleh menghasilkan racun organik daripada lada hitam dan bawang putih. Kedua-dua bahan ini dikisar dan dicampurkan dengan air panas. Selepas itu, bahan tersebut disembur pada tanaman yang diserang oleh makhluk perosak. Penggunaan racun organik seperti ini lebih efektif berbanding dengan penggunaan racun kimia.

Masalah serangan serangga bagi tanaman sayur pula dapat diatasi melalui penggunaan jaring kalis serangga. Penggunaan jaring ini sangat berkesan pada tanaman kubis. Kaedah ini sangat popular dalam kalangan petani kerana kosnya yang rendah dan dapat mengurangkan kemasukan cahaya yang boleh merosakkan tanaman.

Selain itu, bagi mengatasi masalah serangan tikus terhadap tanaman padi dan kelapa sawit, penggunaan burung hantu jelapang mampu menangani masalah ini. Burung hantu ini agak istimewa kerana mampu terbang dalam lingkungan 40 hektar dan mempunyai daya penglihatan yang tajam pada waktu malam. Seekor burung hantu boleh makan tiga ekor tikus pada waktu malam.

Sementara itu, bagi meningkatkan kesuburan tanah, para petani tidak perlu menggunakan baja kimia. Mereka boleh menanam kekacang untuk membekalkan nitrogen kepada tanaman. Mereka juga boleh membuat baja kompos untuk menambahkan nutrisi tanaman sekali gus memperkaya bahan organik kepada tanah. Untuk menghasilkan baja kompos, petani hanya perlu menggunakan sisa makanan dan daun kering.

(Sumber: <https://news.usm.my/index.php/berita-mutakhir/3237-usm-kaji-burung-hantu-agen-biologi-kawal-perosak-tikus-konservasi-dan-kekayaan-biodiversiti>)





Serlahkan Bakat Terpendam, Hasilkan Puisi Padam



Baca teks dan hasilkan puisi padam daripada petikan di bawah ini.

Kelestarian HCVF

Hutan penting kepada manusia dan alam sekitar. Hutan merupakan habitat bagi hidupan liar, melindungi kawasan dan mengekalkan budaya sesuatu masyarakat. Semakin tinggi sumbangan sebuah hutan kepada manusia dan alam sekitar, maka semakin tinggilah indeks penilaiannya. Indeks penilaian hutan diukur berdasarkan kawasan Hutan Mempunyai Nilai Pemeliharaan yang Tinggi (HCVF). HCVF dikawal selia oleh Unit Pengurusan Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Di Semenanjung Malaysia, pengkategorian kawasan HCVF berdasarkan beberapa kriteria, iaitu nilai kepelbagaian biologi, ekosistem, dan perkhidmatan alam semula jadi.

Kawasan hutan yang mengandungi nilai kepelbagaian biologi ialah kawasan hutan yang mempunyai ciri-ciri penting terhadap fauna. Antara ciri tersebut ialah kewujudan kubang badak, jenut semula jadi, kawasan persinggahan burung hijrah, dan gua bagi habitat kelawar.

Bagi kriteria ekosistem, hutan tersebut mestilah mempunyai ekosistem yang jarang-jarang ditemukan di tempat lain. Selain itu, ekosistem tersebut mungkin berada dalam keadaan terancam atau bahaya. Maklumat tentang ekosistem ini diperolehi melalui kajian saintifik dan penulisan ilmiah yang diterbitkan oleh pihak yang berautoriti.

Kriteria perkhidmatan alam semula jadi pula merujuk kawasan hutan yang memiliki perkara-perkara asas hutan alam semula jadi. Antaranya ialah aspek kawalan hakisan dan penghalang kebakaran. Kedua-dua perkara ini penting untuk melindungi hutan daripada mengalami kemusnahan.

Kesimpulannya, hutan-hutan di Malaysia masih menampung kepelbagaian elemen yang memiliki nilai yang tersendiri. Oleh itu, kawasan ini perlu dipelihara dengan baiknya demi menjamin pengekalannya hutan yang bernilai tinggi pada masa akan datang.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *Dewan Kosmik, Kelestarian HCVF*, 2018, Dewan Bahasa dan Pustaka)

Cara Menghasilkan Puisi Padam

- Sediakan sebuah majalah atau akhbar. Pilih artikel yang berkaitan dengan alam sekitar dan teknologi hijau.
- Pilih perkataan dengan membuat bulatan atau kotak. Mulakan dengan satu perkataan dahulu dan diikuti dengan beberapa perkataan lain.
- Padamkan perkataan yang lain dengan menggunakan pen penanda.
- Hubungkan perkataan tersebut bagi membentuk sajak, seloka pendek, atau puisi yang lain.
- Kini, anda telah menghasilkan sebuah puisi padam.

TEMA 11

Alam Anugerah Terindah

TEMA 12

TUAH DI BUMI PERMATA



- **Penternakan Kerbau**
- **Memorandum Persefahaman Penternakan Kerbau Sawah Dimeterai**
- **Enak Berkhasiat**
- **Bukan Sebarang Herba**
- **Pengusaha Tanaman Hiasan**
- **Remis di Pasir Pantai**
- **Dongeng Nelayan dengan Ikan Kecil**



“Sektor pertanian telah dikenal pasti sebagai salah satu bidang ekonomi yang strategik.”

– Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi
(Perdana Menteri Malaysia yang Kelima)



Terbaik dari Ladang



1. Tonton dan dengar bahan yang dibaca dengan telitinya untuk menganalisis isu.
2. Berdasarkan isu yang dianalisis, jalankan sesi forum secara tertib dan bertatasusila.



TEMA 12

Tuah di Bumi Permata

Penternakan Kerbau

Kerbau dikategorikan kepada dua kumpulan, iaitu kerbau sawah dan kerbau sungai.



Kegunaan Kerbau

Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) menitikberatkan pengeluaran bahan makanan daripada sumber tempatan, termasuk pengeluaran daging kerbau. Namun begitu, disebabkan bekalan daging di Malaysia masih belum mencukupi, Malaysia turut mengimport daging kerbau dari India. Bagi mengatasi masalah ini, satu memorandum persefahaman telah dimeterai untuk mengusahakan penternakan kerbau di Sabah.



Memorandum Persefahaman Penternakan Kerbau Sawah Dimeterai

KOTA KINABALU, 19 Julai – Memorandum persefahaman tentang penternakan kerbau sawah di Sabah dimeterai hari ini. Memorandum itu ditandatangani oleh Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (IBKM) dengan Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Sabah (JPHPT) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, turut hadir dalam majlis tersebut. Ketika berucap, beliau menyentuh isu kepentingan kerbau dalam memenuhi keperluan daging negara. Dalam hal ini, IBKM bersama-sama dengan UPM dan JPHPT telah memulakan penyelidikan kerbau sawah. Penyelidikan ini merangkumi aspek pemakanan, pembiakbakaan, dan kesihatan.

Menurut beliau, kaji selidik akan dijalankan untuk mendapatkan maklumat tentang pengurusan penternakan kerbau di Sabah. Kajian tentang penghasilan daging yang berkualiti tinggi akan turut dijalankan.

“Kajian akan dijalankan dengan menggunakan bahan-bahan tempatan sebagai makanan ternakan. Melalui projek ini, kita berharap agar 90 peratus daripada baka induk kerbau mempunyai ciri-ciri baka ternakan yang baik dan sesuai untuk pembiakbakaan,” katanya.

Pusat penyelidikan dan pembiakan kerbau sawah ini berpangkalan di Telupid. Pusat ini diiktiraf sebagai pusat ternakan kerbau sawah yang utama di Malaysia.

(Sumber: www.sayangsabah.com)



Info Bestari

Forum ialah majlis perbincangan untuk bertukar-tukar pendapat tentang sesuatu perkara. Dalam majlis forum, terdapat seorang pengerusi yang mengendalikan majlis perbincangan dan beberapa orang ahli panel.



Cerna Minda

Cari maklumat daripada pelbagai sumber tentang usaha untuk memajukan penternakan di Malaysia.

1.4.2 Berbicara untuk menganalisis isu semasa yang didengar, ditonton atau dibaca dalam situasi formal secara bertatasusila.



Buah Naga



1. Berdasarkan bahan, jawab soalan yang berikut:
 - a) Apakah yang diperlukan untuk menanam buah naga?
 - b) Bagaimanakah buah naga boleh mengurangkan berat badan?
 - c) Pada pendapat anda, wajarkah ladang buah naga diperluas ke seluruh negara? Mengapa?
2. Berdasarkan bahan, buat ulasan keseluruhan.



TEMA 12

Tuah di Bumi Permata

Enak Berkhasiat



Buah naga putih



Buah naga merah



Buah naga hitam



Buah naga kuning

pH tanah
6 hingga 7

Sinaran matahari
tujuh jam sehari


Suhu
20°C hingga 30°C

Keperluan Asas Tanaman

Taburan hujan
500 mm hingga 1,500 mm

Jenis tanah
Tanah berpasir yang kaya dengan bahan organik

Khasiat Buah Naga



TEMA 12

Tuah di Bumi Permata

Sekilogram buah naga yang segar mempunyai

50%

vitamin C untuk keperluan harian.



Produk Buah Naga

BANYAK

Serat
 Antioksidan
 Vitamin C
 Vitamin-vitamin B
 Kalsium
 Magnesium
 Riboflavin
 Niasin
 Zat besi
 Fosforus
 Fitoalbumin

KURANG

Karbohidrat
 Gula
 Lemak

Menguatkan tulang

Menyihatkan mata

Mengawal kadar glukos

Menyihatkan gigi


Membantu merendahkan kolesterol

Membantu menguatkan daya ingatan

Membantu merendahkan tekanan darah

Menyihatkan kulit

Manfaat Buah Naga



Cerna Minda

Hasilkan iklan untuk mempromosikan produk daripada buah naga.



2.2.3 Membaca dan memahami serta membuat ulasan keseluruhan maksud sesuatu bahan grafik.



Rizom-rizom Berjasa



1. Berdasarkan jalur komik, hasilkan cerpen dengan menggunakan ayat yang menarik dan gramatis.
2. Senaraikan lima ayat susunan biasa dan lima ayat susunan songsang yang terdapat dalam jalur komik. Selepas itu, tukar susunan ayat tersebut.



TEMA 12

Tuah di Bumi Permata

Bukan Sebarang Herba

1

Saya tumbuhan yang terkenal. Saya banyak ditanam di belakang rumah atau di dalam pasu. Menjadi menarik warna masakan yang menggunakan saya.

2

Saya pun terkenal, Kunyit. Manusia menggunakan saya dalam masakan juga. Jika saya dimakan, pencernaan mudah berlaku.

5

Ha, ha, ha! Saya dan Halia bergurau saja. Semakin banyak kita ditanam oleh manusia. Keadaan ini menunjukkan bahawa manusia sangat memerlukan kita.

6

Ya, kami bergurau saja. Memang hebat awak, Lengkuas. Manusia menggunakan awak untuk mengubati sakit sendi, demam, dan radang paru-paru.

9

Kepada Temulawak, jangan kita lupa. Dia boleh mengurangkan kolesterol dalam tubuh badan manusia. Makan Temulawak baik untuk kesihatan hati, jantung, dan buah pinggang.

10

Bersungguh-sungguh awak memuji saya, Lengkuas.

11

Benar, Temulawak. Kita semua berguna kepada manusia. Kita berharap semoga manusia menanam kita dengan lebih banyak untuk kegunaan mereka.

3 Jangan lupakan saya, Halia. Saya juga memudahkan pencernaan jika dimakan. Tidak sedap rendang jika tidak menggunakan saya. Sebenarnya, kita semua berguna kepada manusia.

4 Benar sekali kata-kata Lengkuas itu. Kita semua berguna kepada manusia. Walaupun tidak terkenal, saya boleh menambahkan selera makan. Saya merawat kembung perut juga.

7 Awak pun tiada kurangnya, Halia. Awak boleh memulihkan masalah mabuk laut dan mabuk dalam perjalanan. Awak juga boleh mencegah demam dan selesema. Untuk mengelakkan kesejukan, awak boleh dimakan oleh manusia. Hebat sungguh awak.

8 Ada-ada saja awak, Kunyit. Saya bukannya tidak tahu awak boleh merawat luka dan terseliuh. Manusia mencampurkan awak dengan perahan limau yang kemudian dilumurkan pada bahagian tubuh yang luka atau terseliuh.



Cerna Minda

Hasilkan buku skrap tentang khasiat rizom-rizom yang lain.

3.6.2 Menulis dan mengadaptasi sesuatu bahan grafik kepada prosa menggunakan ayat yang menarik dan gramatis.

5.5.1 Membina dan menukar struktur ayat dengan betul dan tepat mengikut konteks.



Mendengar dan Bertutur



Seni Bahasa

Usahawan Tani



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, nyatakan isu usahawan tani.
2. Berikan pandangan anda tentang isu tersebut dengan kritis.
3. Senaraikan kiasan dan peribahasa yang terdapat dalam dialog. Kemudian, bina ayat lain dengan menggunakan kiasan dan peribahasa tersebut.



TEMA 12

Tuah di Bumi Permata

Pengusaha Tanaman Hiasan

Pada hujung minggu, Fadli tidak mahu bersikap malas seperti keldai. Dia membantu Pak Cik Hadri di kedai tanaman hiasan.

Fadli: Sudah lama Pak Cik Hadri membuka kedai tanaman hiasan ini?

Pak Cik Hadri: Sudah sepuluh tahun, Fadli.

Fadli: Wah, lama juga! Pak cik memang berminat dalam bidang ini?

Pak Cik Hadri: Ya, pak cik memang berminat. Dahulu pak cik selalu membantu emak pak cik menanam pokok bunga. Mungkin pak cik mewarisi minat emak pak cik, bak kata peribahasa, ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.

Fadli: Oh, begitu! Pendapatan yang diperoleh melalui tanaman hiasan ini tentu lumayan.

Pak Cik Hadri: Fadli, tanaman hiasan yang pak cik jual tidaklah mahal seperti permata. Semua orang mampu membelinya. Lagipun, pak cik menjual pelbagai jenis tanaman hiasan. Pak cik juga menyediakan perkhidmatan membuat landskap. Pekerja pak cik juga boleh membina kolam ikan hiasan. Jadi, pendapatan yang diperoleh memang amat memuaskan. Bagi pak cik, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

Fadli: Saya lihat pelanggan bertali arus datang ke kedai ini.

Pak Cik Hadri: Syukur kepada Tuhan, Fadli. Sebenarnya, dahulu pelanggan yang datang tidaklah begitu banyak.

Fadli: Tidak banyak? Mengapa, pak cik?

Pak Cik Hadri: Penduduk di kawasan ini pada waktu itu tidak berminat dengan tanaman hiasan. Tidak banyak orang yang membina taman di rumah.

Fadli: Jadi, bagaimanakah caranya pak cik menarik pelanggan datang ke kedai ini?

Pak Cik Hadri: Orang tua-tua ada mengatakan bahawa kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Pak cik telah turun ke kampung-kampung dan membuat demonstrasi pembinaan landskap di halaman rumah. Landskap yang pak cik bina telah memikat hati mereka. Lama-kelamaan semakin banyak orang yang meminati landskap dan tanaman hiasan.

Fadli: Pak cik memang cerdik seperti kancil. Suatu hari nanti saya mahu mengikut jejak langkah pak cik.

Pak Cik Hadri: Bagus, tapi jangan hangat-hangat tahi ayam sahaja, Fadli! Cuba lihat rajah yang pak cik tampilkan ini sebagai panduan untuk menjadi usahawan tani. Ingat pesanan pak cik, belakang parang lagi diasah nescaya tajam.

Fadli: Pesanan pak cik itu akan saya ingat selalu.



Fungsi Tanaman Hiasan

- mengindahkan ruang
- menyejukkan persekitaran
- mengurangkan bunyi bising
- mengurangkan debu
- menjadi ubat herba



Cerna Minda

Jalankan projek tanaman hiasan di kelas anda. Jelaskan persediaan untuk menjalankan projek tersebut.

- 1.8.1 Mengkritik secara membina tentang sesuatu isu kemasyarakatan dengan kritis dan jelas menggunakan ayat yang gramatis.
- 4.2.1 Menggunakan kiasan dan peribahasa dengan betul mengikut konteks.



Rezeki dari Laut



1. Kesan kesalahan tatabahasa dan ayat yang terdapat dalam petikan. Kemudian, edit kesalahan tersebut.
2. Sunting petikan tanpa mengubah maksud asal.
3. Tulis petikan yang telah diedit semula.

TEMA 12

Tuah di Bumi Permata

Remis di Pasir Pantai



Remis ialah sejenis moluska bercangkerang yang boleh didapati di persisiran pantai. Bentuk remis seakan-akan lala tetapi saiznya lebih kecil. Kulit remis berwarna dengan hitam, putih dan coklat. Pada kulit remis, terdapat berbagai corak yang unik. Tambahan pula, terdapat juga remis yang tidak mempunyai sebarang corak.

Hidupan laut ini boleh diperolehi dengan banyak daripada bulan Jun hingga ke Disember pada setiap tahun. Pada musim cuti sekolah, ibu bapa gemar membawa anak-anak ke pantai untuk mencari remis.

Anak-anak merasa seronok mencari remis bersama ibu bapa.

Kerja mencari remis tidaklah begitu sukar. Kita hanya perlu mengkorek pasir yang tidak begitu dalam. Kita boleh menemukan remis yang hidup dalam pasir. Walau bagaimanapun, masa yang diambil untuk mencari remis agak lama. Jumlah remis yang diperolehi oleh kita juga tidak terlalu banyak tetapi memadai untuk santapan sekeluarga.

Sebelum dimasak, remis perlu dicuci sehingga bersih dan seelok-eloknya remis direndam semalaman untuk membuang pasir. Walaupun kecil, isinya manis serta boleh dimasak dengan pelbagai cara. Remis tersangat enak sekali dimasak lemak atau tumis berlada. Setengah orang lebih suka merebusnya sahaja tanpa meletakkan lain-lain bahan untuk menikmati rasanya yang manis dan segar.

Remis kurang dikenali walaupun berasal dari keluarga siput seperti kupang, tiram, kepah dan kerang. Para peniaga juga paling jarang sekali menjual remis di pasar.



Dongeng Nelayan dengan Ikan Kecil

Mak Limah mencari remis di pantai sementara menanti kepulauan suaminya, Pak Budin. Dia ditemani oleh anak perempuannya yang bernama Seri.

Di tengah laut, sudah berhari-hari Pak Budin memasang pukat namun tiada seekor ikan pun yang dia dapat. Dia telah berasa penat dan mengambil keputusan untuk pulang sahaja. Pak Budin menarik pukatnya perlahan-lahan. Dia mendapati yang seekor ikan kecil tersangkut di pukat itu.

“Ah, nampaknya rezeki keluargaku hanya seekor ikan yang kecil,” kata Pak Budin di dalam hati.

Dia mengeluarkan ikan itu pada pukat. Tiba-tiba, ikan itu berkata, “Tolong, tolong lepaskan aku, manusia. Aku hanya seekor ikan yang kecil. Tidak cukup untuk hidanganmu sekeluarga.”

“Aku tidak akan melepaskanmu. Sudah berhari anak dan isteriku hanya makan remis. Baru hari ini aku mendapat ikan walau pun kecil,” kata Pak Budin.

“Tolong lepaskan aku. Aku berjanji jika engkau lepaskan aku, engkau akan mendapat ganjaran yang besar.” Ikan itu merayu kepada Pak Budin.

Pak Budin mengambil sebuah balang dan mengisi air laut ke dalamnya. Dia meletak ikan itu di dalam balang tersebut.

“Baiklah. Aku akan melepaskan engkau jika benar aku mendapat ganjaran. Seandainya aku tidak mendapat apa-apa ganjaran, engkau akan dimasak oleh aku,” kata Pak Budin.

Mak Limah dan Seri berduka cita kerana Pak Budin tidak membawa sebarang tangkapan. Ikan kecil di dalam balang itu pula tidak boleh mereka makan. Namun demikian, pada malam itu, jiran mereka menghantar setulam juadah yang tersangat lazat sekali.

“Juadah ini mungkin ganjaran yang dimaksudkan oleh ikan di dalam balang itu,” kata Pak Budin kepada Mak Limah.

“Jikalau ikan itu membawa tuah, lebih baik kita menyimpan dan memeliharanya,” kata Mak Limah pula.

“Tidak. Aku telah berjanji yang akan melepaskannya jika aku mendapat ganjaran,” balas Pak Budin.

Pada keesokan harinya, Pak Budin melepaskan ikan itu ke laut. Tidak berapa lama selepas itu, dia melihat pukatnya bergerak-gerak. Apabila dia menarik pukat itu, kelihatan ikan-ikan yang sangat besar-besar.

Mulai hari itu, Pak Budin selalu mendapat tangkapan hasil yang lumayan. Hidupnya juga tidak susah lagi.



Info Bestari

- **Mengedit** bermaksud membetulkan kesalahan ejaan, tanda baca, dan tatabahasa sesebuah karangan.
- **Menyunting** pula bermaksud menulis atau menyusun karangan tersebut semula.



Cerna Minda

Edit dan sunting satu petikan akhbar.

3.7.1 Mengedit dan menyunting ayat dalam pelbagai teks tanpa mengubah maksud asal.



Mesin Peleraian Jagung



Aktiviti

1. Berdasarkan risalah, buat ulasan keseluruhan.
2. Adaptasi risalah menjadi karangan dengan menggunakan ayat yang menarik dan gramatis.



TEMA 12

Tuah di Bumi Permata

MESIN PELERAI JAGUNG

**Anugerah
Inovasi
Pertanian**



Kelebihan:

- Cara menggunakannya mudah.
- Tiga pilihan saiz mata pemotong.
- Saiz mesin yang ideal.
- Boleh digunakan dengan selamatnya.

Spesifikasi:

Mata pemotong: 3 saiz

Saiz mesin: 78 cm panjang × 60 cm lebar
× 71 cm tinggi

Berat: 80 kg

Punca kuasa: Motor elektrik

Anggaran harga: RM3000.00 hingga
RM4000.00 seunit



Perbandingan antara Penggunaan Mesin dengan Manual

Perkara	Mesin	Manual
Kadar kerja	360 - 600 tongkol/jam (6 - 10 tongkol/minit)	18 - 30 tongkol/jam (0.3 - 0.5 tongkol/minit)
Bilangan pekerja	Seorang	Lima orang
Produktiviti	Tinggi	Rendah
Kos buruh	Rendah	Tinggi

Untuk keterangan lanjut, sila kunjungi:

Pusat Kejuruteraan Pertanian, Telok Chengai, Alor Setar, Kedah.



Datukku Penternak Kerang



1. Edit dan sunting teks surat kiriman tidak rasmi. Kemudian, tulis surat tersebut semula.
2. Senaraikan ayat susunan songsang yang terdapat dalam surat kiriman tidak rasmi. Kemudian, tukarkan ayat tersebut kepada ayat susunan biasa.



10, Kampung Masjid Batu,
34350 Kuala Kurau,
Perak.

18 September 20□□.

Menemui sahabatku Chee Meng yang diingati selalu. Semuga saudara sekeluarga di dalam keadaan sihat dan sejahtera selalu.

Saudara,

Pada cuti penggal yang lalu, nenda saya telah membawa saya melawat tempat ternakan kerang di Kuala Kurau, Perak. Saya mempelajari pengetahuan baru tentang penternakan kerang melalui lawatan tersebut. Kini saya mengetahui yang kerang bukan sahaja hidup di laut justeru boleh ditenak juga.

Kawasan yang sesuai dijadikan tapak ternakan kerang adalah kawasan yang terlindung dari arus dan ombak laut. Keadaan dasar lautnya pula berlumpur halus dan lembut. Mestilah bebas daripada pencemaran.

Nenda telah membawa saya mencari benih kerang. Benih tersebut terdapat di kawasan bakau hutan dan sungai muara yang berlumpur. Benih kerang dikutip dengan tangguk dawai, dulang kayu dan sekeping papan. Selepas dikutip, benih ini ditaburkan di tapak ternakan. Kerja menaburkan benih ini nenda dan para pekerjaanya lakukan ketika air pasang.

Akan diperiksa dari masa ke semasa benih kerang tersebut. Para pekerja memastikan benih kerang tidak diganggu oleh haiwan perosak. Antara musuh kerang termasuklah ikan pari dan beberapa jenis-jenis siput. Mereka juga memastikan kepadatan kerang di tapak ternakan sekata. Sekiranya tidak sekata, mereka akan mengubahsuai taburan kerang-kerang tersebut.

Menurut nenda, kerang mencapai tahap matang untuk dijual setelah ditenak selama 12 hingga 18 bulan. Nenda menjual kerang ini pada pemborong dan peruncit. Hasil yang nenda peroleh tersangat lumayan sekali.

Setakat ini yang saya dapat coretkan dalam lembaran pada kali ini. Jika saudara berkesempatan, balas surat ini dan ceritakan pengalaman saudara pula. Sekian.

Sahabatmu,

Azrul Hanafi

TEMA 12


Tuah di Bumi Permata

TEMA 13

PERINDUSTRIAN



- **Hab Halal**
- **Dahulu Lain, Sekarang Lain**
- **Anda Sihat, Industri Maju**
- **Jenis-jenis Produk PKS**
- **Jom Menginap di Desa**



“Anda akan belajar daripada kesalahan diri dan kesalahan orang lain kerana sangat sedikit yang dapat dipelajari daripada kejayaan.”

– Michael Saul Dell
(Pengasas dan CEO Dell Technology)



Halal Membawa Berkat

Mendengar dan Bertutur



Aktiviti

1. Teliti bahan dan bincangkan prospek industri hab halal di negara kita. Analisis tentang faedah-faedah hab halal kepada negara kita.
2. Analisis cabaran-cabaran yang bakal dihadapi oleh negara kita untuk menjadi hab halal global.



TEMA 13

Perindustrian

Hab Halal

Malaysia berhasrat untuk menjadi hab halal global. Hal ini dikatakan demikian kerana hab halal global akan membawa pelbagai faedah kepada negara kita.



Pandangan masyarakat tentang isu hab halal



Narasimhanaidu a/l Subramaniam,
pegawai kerajaan
 - Saya bersetuju dengan cadangan untuk menjadikan Malaysia pusat hab halal global.



James Leong,
pekerja swasta
 - Saya yakin hab halal ini akan memberikan keuntungan kepada semua rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan anutan agama.



Nor Nadiyah binti Sharif Tuah,
murid
 - Saya menyokong hab halal. Emak saya pengusaha perniagaan makanan. Tentu hab halal ini menguntungkan peniaga seperti emak saya.



Nur Haslina binti Abdul Razak, pembantu makmal

- Tindakan yang bijak. Negara kita negara Islam. Makanan, produk, dan perkhidmatan yang halal amat diperlukan.

Faedah Hab Halal kepada Negara

TEMA 13

Perindustrian

01 Peningkatan pendapatan negara

02 Pemindahan teknologi

03 Kemasukan pelaburan luar

04 Peningkatan peluang pekerjaan

05 ?

06 ?



Cerna Minda

Cari maklumat yang menyeluruh tentang hab halal dan muat naik maklumat untuk disebarluaskan melalui media sosial.

1.4.1 Berbicara untuk menganalisis isu semasa yang didengar, ditonton atau **dibaca** dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.



Revolusi Dunia Industri



1. Baca dan teliti bahan untuk membuat ulasan.
2. Kenal pasti penggunaan ayat aktif dan pasif yang terdapat dalam bahan.
3. Berdasarkan bahan, bina ayat aktif. Kemudian, tukarkannya kepada ayat pasif.

TEMA 13

Perindustrian

Dahulu Lain, Sekarang Lain

Bidang perindustrian telah mengalami revolusi sejak bidang ini mula-mula diterokai.

INDUSTRI 1.0

Era ini bermula pada lewat kurun ke-18. Mesin-mesin dicipta oleh manusia untuk meningkatkan produktiviti. Mesin-mesin ini menggunakan enjin stim yang digerakkan oleh arang batu. Pada era ini, salah satu industri yang terkenal ialah industri tekstil. Era ini juga membawa perubahan besar kepada sistem pengangkutan.

• James Watt—Pencipta Enjin Stim

INDUSTRI 2.0

Era ini bermula pada pertengahan kurun ke-19. Bidang perindustrian berkembang dengan penemuan elektrik. Peralatan yang menggunakan elektrik mula dicipta oleh manusia. Minyak dan gas turut digunakan oleh manusia pada zaman ini.

• Alexander Graham Bell—Pencipta Telefon



INDUSTRI 3.0

Era ini lebih dikenali sebagai era digital. Era ini bermula pada pertengahan kurun ke-20. Era ini ditandai dengan kemunculan peralatan elektronik dan perkembangan bidang teknologi maklumat. Syarikat atau organisasi menggunakan data digital secara meluas.

- Dr. John V. Atanasoff dan pembantunya Clifford Berry – Pencipta Komputer Elektronik Digital Pertama

INDUSTRI 4.0

Dalam era ini, anda dapat membayangkan situasi mesin akan berinteraksi dengan mesin. Sistem sensor digunakan oleh para pencipta secara meluas. Data dikemas kini oleh komputer secara automatik. Sesetengah pihak mengistilahkan era ini sebagai era siber fizikal.

- Bill Gates – Pencipta Sistem Operasi Microsoft Windows

TEMA 13

Perindustrian



Ramalkan ciri-ciri industri 5.0 dan berbincang dengan rakan anda.



Cerna Minda

- 2.2.3 Membaca dan memahami serta membuat ulasan keseluruhan maksud sesuatu bahan grafik.
5.5.1 Membina dan menukar struktur ayat dengan betul dan tepat mengikut konteks.



Era Baharu Industri Sukan



1. Teliti bahan dan kenal pasti maklumat.
2. Berdasarkan maklumat, hasilkan bentuk penulisan baharu yang kreatif.



TEMA 13

Perindustrian

Anda Sihat, Industri Maju

Mata Puan Suzana tidak berkelip-kelip melihat aksi lincah Asman dan adiknya, melompat-lompat di atas trampolin besar di *Flip Out*. Seseekali Asman melompat-lompat tinggi dan melakukan aksi akrobatik seperti ahli gimnastik layaknya. Dayana cuba meniru aksi abangnya tetapi kurang menjadi. Dia kecewa namun kecewanya itu sebentar sahaja. Dia kembali melompat.

Ketika Puan Suzana leka memerhatikan Asman dan adiknya, tiba-tiba kedengaran orang memberi salam kepadanya.

“Walaikumussalam,” jawabnya sambil menoleh ke arah seseorang.

“Sudah lama awak sampai di sini?” soal Puan Hayati.

“Sudah hampir setengah jam,” balasnya. Dia tidak menyangka dapat bertemu dengan rakan lamanya di *Flip Out*.

Jumlah pelanggan yang tiba semakin ramai. Kanak-kanak dan remaja yang selesai membuat bayaran segera berlari ke arah trampolin. Mereka begitu teruja untuk melompat dan melakukan pelbagai aksi.

“Sekarang ini, industri sukan juga mendatangkan keuntungan, ya,” kata Puan Hayati yang duduk di sebelah Puan Suzana. Anak Puan Hayati, Danial, mula menyertai Asman dan Dayana.



“Kesedaran untuk menjaga kesihatan semakin tinggi dalam kalangan masyarakat. Kemunculan pusat sukan dan riadah seperti cendawan tumbuh selepas hujan,” balas Puan Suzana.

“Benar kata awak. Minggu lepas saya membawa anak-anak pergi ke pusat sukan lasak di Shah Alam. Ramai sungguh anak muda dan kanak-kanak seusia anak-anak kita berkunjung ke sana. Nampaknya, aktiviti sukan lasak sungguh diminati ramai,” kata Puan Hayati lagi.

“Tentu pengusaha pusat sukan ini berjaya mengaut keuntungan yang banyak,” kata Puan Suzana.



“Keadaan ini sudah menjadi lumrah bagi orang yang berniaga. Yang penting ialah pelanggan-pelanggan mendapat manfaat daripada perniagaan ini. Kita pun tahu bahawa aktiviti sukan dapat menyihatkan badan. Suami saya dan rakan-rakan sekerjanya sejak beberapa bulan yang lalu mula berkunjung ke pusat gimnasium. Hendak mendapatkan bentuk badan yang ideal, katanya,” terang Puan Hayati.

“Wah, suami dan anak-anak sudah bersukan! Bilalah giliran kita, ya?” soal Puan Suzana, berseloroh.

“Kalau awak hendak bersenam, kita pergilah bersama-sama. Kita ajaklah

kawan-kawan juga. Pusat gimnasium yang selalu dikunjungi oleh suami saya ada ruang khas untuk kaum wanita bersenam. Senaman aerobik dan zumba juga

selalu diajarkan oleh jurulatih bertauliah di sana,” terang Puan Hayati.

“Elok juga cadangan awak. Sesekali kita cubalah pula senaman tabata. Kata orang, senaman itu baik untuk meningkatkan kesihatan badan,” cadang Puan Suzana.

Puan Hayati kelihatan teruja benar dengan cadangan rakannya itu. Kedua-dua teman rapat ini terus berbual sambil memerhatikan anak-anak mereka beraksi dengan seronoknya. Pengunjung pusat sukan ini pula datang dan pergi tidak berhenti-henti.



Cerna Minda

Hasilkan satu latihan kecergasan ciptaan sendiri.



3.6.1 Menulis dan mengadaptasi sesuatu bahan prosa kepada pelbagai bentuk penulisan yang baharu, betul, sesuai dan menarik.



Kecil-kecil Cili Api



Aktiviti

1. Tonton dan teliti bahan yang disediakan.
2. Analisis dan ulas maklumat tersurat dan tersirat yang anda peroleh daripada bahan.
3. Hasilkan cerpen secara terancang dengan mengambil kira aspek permulaan, perkembangan, klimaks, dan peleraian.



TEMA 13

Perindustrian



Industri pembungkusan dan percetakan



Industri komponen automotif

Jenis-jenis Produk PKS

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negara ini berkembang pesat dari masa ke masa. Perkembangan ini turut menyumbang kepada peningkatan pendapatan pengusaha dan negara. Hingga kini, terdapat pelbagai jenis produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pengusaha PKS. Produk yang dihasilkan oleh pengusaha industri ini terdiri daripada pelbagai jenis.

“Kehidupan kami adik-beradik sungguh sukar. Bapa telah lama meninggalkan kami. Ibu menjual kuih-muih di pasar malam. Banyak hasil jualan yang tidak habis. Kemudian, saya mendapat idea untuk menjual kuih-muih tersebut menggunakan kaedah sejuk beku. Walaupun jualan tidak habis, kuih tidak rosak.”

Suraya, Kedah

“Alhamdulillah, segala susah payah, penat lelah, dan cabaran yang saya hadapi dalam perniagaan yang saya mulakan secara kecil-kecilan akhirnya membuahkan hasil. Berkat usaha kami yang berterusan, produk kami berjaya menembusi pasaran antarabangsa. Kini, kehidupan kami anak-beranak sudah berubah.”

Haji Man, Perak



Industri berasaskan logam



Industri pemprosesan makanan



Industri berasaskan plastik



Industri kimia



Industri komponen elektrik dan elektronik

TEMA 13

Perindustrian

“Rumah kami terlibat dalam kebakaran. Kami berpindah ke tempat baharu. Ayah menyewa rumah kedai. Siapa sangka, rumah kedai ini menjadi pusat perniagaan keluarga kami. Ruang yang luas membolehkan banyak produk dihasilkan. Benarlah kata orang, apa-apa yang berlaku ada hikmahnya.”

Rizal, Kelantan

“Wang tabungan yang sedikit kami gunakan sebaik mungkin sebagai modal. Anak saya yang sedang belajar di universiti awam ketika itu yang mencadangkan saya agar memasarkan produk saya dalam talian. Kini, dalam sekelip mata sahaja, bukan kami yang mencari pelanggan tetapi pelanggan yang mencari kami. Saya amat bersyukur.”

Zaiton, Selangor

“Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank) sangat prihatin dalam membantu usahawan seperti kami. Pinjaman dan khidmat nasihat yang diberikan membantu saya untuk melebarkan perusahaan perabot rotan saya ini lagi.”

Zamani, Pahang



Cerna Minda

Andaikan anda ingin menjadi pengusaha PKS yang berjaya. Tentukan perusahaan yang ingin anda ceburi dan kongsikannya dengan rakan anda.



1.8.2 Mengulas dan menyatakan maklumat yang tersurat dan tersirat daripada sesuatu bahan audio visual dengan kritis menggunakan ayat yang gramatis.

4.3.1 Menghasilkan cerpen secara terancang dengan menggunakan idea yang kreatif serta bahasa yang indah dan menarik.




Desa Cemerlang **Industri Mapan**



1. Baca petikan yang disediakan dengan telitinya.
2. Susun maklumat yang terdapat dalam bahan dan ringkaskannya.

TEMA 13

Perindustrian



Jom Menginap di Desa

Industri inap desa bukan lagi satu industri yang asing di negara ini. Hal ini dikatakan demikian kerana industri inap desa ini giat dilaksanakan oleh pelbagai pihak. Kampung Lonek yang terletak di daerah Jempol, Negeri Sembilan, dikenali oleh pelancong dalam dan luar negara kerana penglibatannya dalam industri inap desa. Sehingga tahun 2018, antara pelancong antarabangsa yang pernah menyertai program inap desa kampung ini berasal dari Singapura, Jepun, China, Hong Kong, Korea, dan negara-negara Eropah.

Inap desa Kampung Lonek mempunyai pelbagai keistimewaan. Antaranya ialah

kampung ini merupakan kampung tradisional yang masih mengekalkan adat perpatih dalam kehidupan mereka. Keadaan ini menarik minat pelancong dan sekali gus dapat menambah jumlah pelancong yang mengunjungi negara ini.

Selain itu, Kampung Lonek juga mempunyai tarikan kesenian, kebudayaan, dan warisan. Pelancong yang mengunjungi kampung ini dan menyertai program inap desanya dapat menyaksikan persembahan bongai. Bongai ialah nyanyian lagu rakyat Negeri Sembilan dalam bentuk pantun yang disampaikan dengan iringan muzik. Melalui persembahan ini, secara tidak langsung, warisan dan kesenian kaum Melayu dapat



168
KPM





Senarai inap desa yang terdapat di Negeri Sembilan sehingga tahun 2018

NO.	INAP DESA	BILANGAN RUMAH
1	Inap desa Pachitan	31 buah
2	Inap desa Rawa	17 buah
3	Inap desa Lonek	32 buah
4	Inap desa D'Pelandok	10 buah
5	Inap desa Pelegong	20 buah
6	Inap desa F'Best	20 buah
7	Inap desa Gemas	30 buah
8	Inap desa Klawang	30 buah
9	Inap desa Mudim Hassan	10 buah
10	Inap desa Sg. Buloh	15 buah
11	Inap desa Batang Nyamor	19 buah
12	Inap desa Sogo	20 buah
13	Inap desa Laman Bakinang	25 buah

(Sumber: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Sembilan)

diperkenalkan kepada dunia luar dari masa ke masa.

Tarikan alam semula jadi merupakan salah satu lagi keistimewaan inap desa Kampung Lonek. Kampung ini dikelilingi sawah padi yang terbentang luas. Selain itu, kampung ini juga ditanam dengan pelbagai pokok buah-buahan. Bagi pengunjung yang ingin menikmati suasana yang berbeza, tarikan alam semula jadi ini pasti mengujakan kerana pengunjung dapat membawa pulang bersama dengan mereka gambar-gambar kenangan dengan berlatarbelakangkan kehijauan alam.

Inap desa Kampung Lonek juga melaksanakan pelbagai projek yang menarik, termasuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Penduduk kampung ini terlibat dalam perusahaan penghasilan mi kuning dan juga projek penternakan lebah kelulut. Pelancong yang terlibat dengan program inap desa di kampung ini akan berpeluang menyaksikan sendiri pembuatan mi kuning



dan penternakan lebah kelulut. Daya usaha dan kesungguhan penduduk kampung dapat dijadikan inspirasi kepada peserta program inap desa di sini. Bagi pihak penduduk kampung pula, industri inap desa ini mampu menjanakan dan meningkatkan lagi sumber pendapatan mereka.

(Sumber: Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad)



3.5.1 Menulis dan menyusun maklumat serta membuat ringkasan daripada pelbagai bahan prosa menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.



Cari maklumat tentang program inap desa yang terdapat di seluruh negara. Kemudian, kongsi maklumat tersebut dengan rakan-rakan anda.



Penilaian

A. Baca petikan di bawah dengan telitinya, kemudian buat tugas yang berikutnya.

Tanah Bencah Setiu memiliki keindahan ekosistem dan flora yang menghijau bersulamkan nuansa desa nan permai. Kehadiran pengunjung ke kawasan tersebut memberikan satu pengalaman yang mengujakan. Kawasan tanah lembap semula jadi terbesar di pantai timur Semenanjung itu menyajikan pelbagai panorama luar biasa.

Tanah Bencah Setiu satu-satunya lokasi di Malaysia yang mempunyai sembilan ekosistem yang saling berhubung. Ekosistem tersebut ialah laut, pantai, lumpur, lagun, muara, sungai, pulau, hutan di sepanjang pantai, dan paya bakau dengan keluasan 23 000 hektar.

Keunikan Tanah Bencah Setiu telah menarik minat Tabung Hidupan Liar Sedunia Malaysia (WWF Malaysia) untuk melakukan kajian saintifik di situ. Kajian pertubuhan itu mendapati bahawa kawasan tersebut merupakan habitat yang paling sesuai untuk penyau dan tuntung sungai.

TEMA 13

Perindustrian

Sebaik-baik sahaja menjejakkan kaki di Laguna Agro Resort yang terletak di Kampung Limau Nipis, Gong Batu Setiu, Syafa terpukau dengan keindahan di situ.

Dia yang memang menggemari suasana desa akan meneroka keunikan Tanah Bencah Setiu itu. Khabarnya ada aktiviti mencari kepah, lokan, dan kerang yang disediakan oleh pihak penganjur. Sudah tentu peluang keemasan ini tidak akan dilepaskannya.

Dia yang juga kaki pancing akan meneroka khazanah ikan yang terdapat di situ. Terdapat pelbagai jenis ikan di situ seperti siakap putih, siakap merah, dan kerapu. Wah, tentu seronok menikmati ikan bakar yang segar!

1. Tanah Bencah Setiu dianggap unik berbanding dengan destinasi pelancongan yang lain kerana ...
 - A. bersulamkan nuansa desa nan permai.
 - B. merupakan tanah lembap semula jadi terbesar di pantai timur.
 - C. mempunyai sembilan ekosistem yang saling berhubung.
2. Pada pendapat anda, mengapakah Tabung Hidupan Liar Sedunia Malaysia (WWF Malaysia) memilih Tanah Bencah Setiu sebagai tempat kajian mereka?
3. Huraikan perwatakan Syafa berdasarkan petikan cerpen di atas.
4. Anda ditugaskan untuk mempromosikan Tanah Bencah Setiu kepada para pelancong. Hasilkan brosur yang menarik untuk tujuan tersebut.

B. Teliti bahan di bawah ini dan jawab soalan-soalan yang dikemukakan.



(Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani)

Aku sedang leka membelek-belek gambar yang dirakam ketika keluargaku mengunjungi Pameran Antarabangsa Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) pada tahun 2016. Aku masih teringat lagi betapa terujanya kami sebaik-baik tiba di tapak pameran. Pameran tersebut diadakan dari 1 hingga 11 Disember pada tahun tersebut.

"Ayah cadang kita sekeluarga berlibur di sekitar ibu kota Kuala Lumpur dan negeri Selangor kali ini," kata ayah, memberikan cadangan. "Kita lawati pameran pertanian," sambung ayah lagi.

"Pameran pertanian?" soalku tercengang.

Padaku, cuti sekolah kali ini tentu membosankan aku. Setibanya kami di tapak pameran yang terletak di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), Serdang, Selangor, keadaan sungguh meriah. Begitu ramai pengunjung yang membanjiri pameran ini.

Lebih menarik lagi, terdapat pelbagai aktiviti yang sungguh menyeronokkan dan sesuai disertai oleh pelbagai peringkat umur seperti seminar perniagaan pertanian, bazar agro, aktiviti agropelancongan, promosi agroproduk, persembahan kebudayaan, masakan tradisional, memamah, *paintball*, permainan air, dan pertunjukan haiwan peliharaan.

Pelbagai jenis tanaman daripada baka yang terbaik turut dijual. Harga yang ditawarkan agak murah. Ayah amat meminati tanaman-tanaman tersebut. Ibu pula terhibur menyaksikan demonstrasi masakan dan pelbagai jenis masakan tradisional. Aku dan adik terleka melihat pameran haiwan peliharaan.

"Seronok, bukan?" soal ayah pada hari itu.

Aku mengangguk. Sesungguhnya aku tertewas. Andaianku meleset. Percutian ke Kuala Lumpur dan kunjungan ke MAHA 2016 di Serdang, Selangor, merupakan kenangan manis yang sukar dilupakan. Harapanku, kami akan mengunjungi MAHA lagi pada masa akan datang.

1. Nyatakan maksud istilah di bawah ini.
 - a) agroproduk
 - b) agropelancongan
 - c) bazar agro
2. Berdasarkan bahan, cadangkan beberapa aktiviti yang sesuai untuk disertai oleh ayah, ibu, dan penulis.
3. Pada pendapat anda, mengapakah penulis berfikir bahawa percutian mereka pada tahun tersebut membosankannya?
4. Berdasarkan petikan dan paparan infografik, bersoal jawab dengan rakan anda tentang penganjuran pameran ini pada masa akan datang.
5. Hasilkan satu penulisan untuk mengadaptasi cerpen di atas menjadi suatu bentuk penulisan lain yang menarik.

C. Baca dialog dengan telitinya dan buat tugas yang diberikan.

Hilmi: Tahniah kerana awak sudah tamat latihan dengan Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu. Apakah rancangan awak selepas ini?
 Syukri: Saya bercadang hendak membuka kilang perabot, Hilmi.
 Hilmi: Wah, kebetulan saya dan Iqbal mahu membuka kilang perabot juga! Pereka perabot sedang kami cari. Kalau kita bekerjasama bagaimana?
 Syukri: Maafkan saya. Maksud bekerjasama itu boleh awak jelaskan?
 Hilmi: Begini, Syukri. Awak ada kemahiran membuat perabot. Ilmu pemasaran pula dikuasai oleh Iqbal. Saya boleh mentadbir urusan kewangan kilang kita nanti.
 Syukri: Oh, begitu! Barulah saya faham. Bagaimanakah pula modal untuk membuka kilang?
 Hilmi: Kita boleh berkongsi modal. Jika tidak mencukupi, kita boleh memohon pinjaman daripada bank. Kemudahan pinjaman juga disediakan oleh kerajaan.
 Syukri: Awak telah mempunyai tempat untuk membuka kilang?
 Hilmi: Tentang hal itu awak tidak perlu risau. Tempat telah disediakan oleh Iqbal. Kita boleh menggunakan kedai ayahnya. Telah lama kosong kedai itu.
 Syukri: Menarik juga rancangan ini. Bagaimanapun, saya memerlukan sedikit masa. Cadangan awak akan saya fikirkan dengan telitinya.
 Hilmi: Awak boleh mengambil masa untuk memikirkannya. Bagaimanapun, saya berharap awak tidak menghampakan kami. Rancangan ini tidak akan terlaksana oleh kami berdua sahaja.
 Syukri: Baik, Hilmi. Mudah-mudahan suatu hari nanti kita akan menjadi pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana yang berjaya.


1. Senaraikan **lima** ayat susunan songsang yang terdapat dalam teks dialog. Kemudian, tukarkannya kepada ayat susunan biasa.
2. Senaraikan **lima** ayat pasif yang terdapat dalam teks dialog. Kemudian, tukarkannya kepada ayat aktif.
3. Nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan sikap Hilmi, Syukri, dan Iqbal.

D. Cerakinkan ayat majmuk dalam perenggan di bawah ini kepada ayat tunggal.

Ketika jerebu, kita mestilah memakai topeng muka untuk mengelakkan sebarang jangkitan penyakit. Kita hendaklah segera ke hospital untuk mendapatkan rawatan daripada doktor jika mengalami masalah kesihatan. Kita juga perlu membasuh muka sekerapnya dan minum banyak air.

TEMA 14

EKONOMI MAPAN, NEGARA MAKMUR



“Kalau kita melalui jalan yang susah, barulah kita akan menghargai dan menemui jalan yang senang.”

- Tan Sri Syed Mokhtar Shah bin Syed Nor Al-Bukhary
(Tokoh Korporat)

- **Projek Kumpul Duit**
- **Kenali Insurans**
- **Operasi Peniaga Muda**
- **Syair Kisah Hari Kantin**
- **Belanja Berhemat Poket Selamat**
- **Amalan yang Baik**
- **Pedoman buat Sahabat**
- **Langkah Positif Menangani Masalah Ekonomi Keluarga**



Misi Wang Besar



1. Teliti bahan yang dipaparkan.
2. Berbincanglah secara kritis untuk mendapatkan idea lain tentang cara mengumpulkan dana.
3. Bersoal jawablah secara bertatasusila untuk mendapatkan hasil perbincangan yang terbaik.



TEMA 14

Ekonomi Mapan, Negara Makmur

Projek Kumpul Duit

Kelab Usahawan Muda SMK Bitara Jaya ingin turut serta dalam jualan Hari Keusahawanan sekolah mereka beberapa bulan lagi. Namun begitu, mereka kekurangan dana untuk dijadikan modal perniagaan dalam program tersebut. Mereka berbincang tentang cara-cara mengumpulkan dana.

“ Kita laksanakan projek jualan buah potong atau kerepek. Saya rasa memang untung besar nanti. ”



“ Lebih baik jika semua ahli kelab menjual barangan kesayangan masing-masing yang tidak digunakan lagi. ”



“ Saya fikir projek mencuci kereta yang paling menguntungkan. ”



“ Saya fikir tentu ada banyak lagi idea lain yang lebih menarik dan menguntungkan. ”





Keuntungan yang diperoleh	Menjual surat khabar lama dan barang kitar semula	Bawa dari rumah
		Cari di kawasan perumahan atau perniagaan
	Menjual barangan kesayangan	Barang sendiri
	

Tip untuk berbincang atau berunding tentang sesuatu perkara:

- Memahami perkara pokok yang dibincangkan sepenuhnya.
- Berkomunikasi secara terang dan tepat.
- Mengawal emosi anda.
- Bertutur secara sopan.
- Sentiasa ingat bahawa cadangan anda tidak semestinya yang terbaik.
- Bersedia untuk menerima pandangan atau kritikan orang lain.
- Berfikiran terbuka untuk menerima cadangan orang lain.
- Mengelak daripada menolak idea orang lain bulat-bulat.
- Mengutamakan kepentingan semua pihak.

Berbincang untuk menambah dana bagi melaksanakan projek keceriaan kelas.

1.5.1 Bersoal jawab untuk mencambahkan idea secara kritis dan bertatasusila.



Lindungi Diri Anda



1. Baca pelbagai bahan yang disediakan dengan telitinya.
2. Ulas maklumat yang terdapat dalam bahan-bahan tersebut.
3. Berdasarkan dialog antara Farhana dengan Cikgu Yusof, tukarkan ayat cakap ajuk kepada ayat cakap pindah.

TEMA 14

Ekonomi Mapan, Negara Makmur

Kenali Insurans



APAKAH ITU INSURANS?

Insurans ialah pemindahan risiko daripada individu atau sesebuah syarikat kepada syarikat yang menawarkan pelan insurans tersebut.

Jika anda membeli pelan insurans daripada syarikat insurans, anda atau syarikat anda akan dibayar ganti rugi yang anda tanggung apabila berlaku perkara yang tidak diingini.



MENGAPAKAH ANDA PERLU MEMBELI INSURANS?

Pembelian pelan insurans adalah untuk mengurangkan beban kewangan anda atau syarikat anda apabila berlakunya kerugian atau keadaan yang tidak diingini.



SEJAUH MANAKAH ANDA DILINDUNGI OLEH INSURANS?

Pelan insurans memberikan perlindungan bagi kerugian yang dinyatakan dalam pelan insurans yang anda beli. Perlindungan yang diberikan kepada anda bergantung pada premium yang anda bayar.



PERLUKAH ANDA MEMBELI INSURANS?

Pembelian pelan insurans bergantung pada keperluan diri anda. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa insurans yang mesti dibeli kerana telah ditetapkan dalam undang-undang seperti pelan insurans kenderaan bermotor.

(Sumber: Bank Negara Malaysia)

Cikgu, benarkah maklumat yang saya dengar, iaitu semua murid sekolah di Malaysia dilindungi insurans?

Wah, menariknya! Namun, setahu saya, guru kelas tidak pernah meminta murid-murid membayar wang premium insurans tersebut.

Apakah bentuk perlindungan yang ditawarkan kepada semua murid melalui pelan insurans ini, cikgu?



Benar, pihak kerajaan telah pun membekalkan pelan insurans kepada semua murid bermula pada peringkat prasekolah hingga tingkatan enam.

Memang benar. Guru kelas tidak pernah meminta bayaran premium insurans kerana pihak kerajaan telah membayar premium yang bernilai RM1.50 kepada syarikat insurans yang berkenaan.

Nah, bacalah polisi ini! Semua maklumat yang awak perlukan ada di sini.



PELAN INSURANS TERBAIK SYARIKAT XYZ SDN. BHD.

Kami menawarkan insurans:

- Perubatan dan kesihatan.
- Perjalanan.
- Pemilikan rumah.
- Hayat.
- Kemalangan diri.
- Berkaitan pelaburan.
- Kenderaan bermotor.



Mengapakah anda perlu memilih syarikat kami?

- Polisi insurans lulus dalam tempoh 24 jam.
- Premium yang berpatutan.
- Tuntutan ganti rugi lulus segera.
- Memberikan perlindungan terbaik kepada anda.

Hubungi kami SEGERA!
03-12345678



Info Bestari

Contoh pemindahan ayat dalam bentuk cakap ajuk kepada cakap pindah:

Ayat cakap ajuk	Cikgu, benarkah maklumat yang saya dengar, iaitu semua murid sekolah di Malaysia dilindungi dengan insurans?
Ayat cakap pindah	Farhana mendapatkan kepastian daripada Cikgu Yusof tentang maklumat yang didengarinya, iaitu semua murid sekolah di Malaysia dilindungi dengan insurans.



Cerna Minda

Cari maklumat tentang pelan insurans pendidikan dan pelan insurans hayat. Bandingkan faedah kedua-dua pelan tersebut.



2.3.1 Membaca dan mengulas maklumat daripada pelbagai teks dengan betul dan tepat.

5.5.1 Membina dan menukar struktur ayat dengan betul dan tepat mengikut konteks.



Menulis



Seni Bahasa

Ayuh, Kita Berniaga!



Aktiviti

1. Teliti poster yang dipaparkan untuk mendapatkan maklumat.
2. Tulis dan adaptasi maklumat yang terdapat dalam poster tersebut kepada bentuk prosa dengan menggunakan ayat yang menarik dan gramatis.
3. Berdasarkan poster yang dipaparkan, lengkapkan syair Kisah Hari Kantin dengan menggunakan bahasa yang indah dan menarik.



TEMA 14

Ekonomi Mapan, Negara Makmur

Operasi Peniaga Muda

Cikgu Marina memberikan cadangan kepada murid-muridnya agar melibatkan diri secara aktif dalam penganjuran Hari Kantin sekolah mereka untuk mendapat pelbagai pengalaman.

JOM SERTAI KAMI
HARI KANTIN
SMK BITARA JAYA

Acara-acara yang menarik:

- Pertandingan "Akulah Bintang".
- Pertandingan swafoto paling unik.
- Pertunjukan silap mata.
- Pemeriksaan kesihatan percuma.
- Kempen derma darah.

Gerai pameran:

- Pameran kraf tangan.
- Pameran buku.
- Pameran produk inovasi.
- Pameran antidadah.

Gerai jualan:

- Makanan.
- Minuman.
- Pakaian.
- Buku.
- Permainan.
- Rumah hantu.

HADIAH MENARIK MENANTI ANDA
CABUTAN BERTUAH

Tarikh: 13 April 2020 □ □
Masa: 9:00 pagi hingga 3:00 petang
Tempat: SMK Bitara Jaya

DATANGLAH BERAMAI-RAMAI

Contoh rangka prosa berbentuk cerita:



TEMA 14

Ekonomi Mapan, Negara Makmur

Daya kreativiti dapat ditingkatkan berdasarkan pengalaman atau bahan rangsangan lain. Sebagai contoh, syair di bawah ini dihasilkan berdasarkan poster Hari Kantin yang dipaparkan.

Syair Kisah Hari Kantin

Ingin kukhabar sebuah cerita,
Bukan rekaan tetapi nyata,
Hari Kantin umpama pesta,
Meriah sungguh tidak terkata.

Pengunjung datang berkejar-kejaran,
Datang bersama rakan dan jiran,
Pelbagai aktiviti menjadi sasaran,
Hadiah menarik sebagai ganjaran.

Hendak masuk ke rumah hantu,
Teruja dan takut sudahlah tentu,



Cerna Minda

Adaptasi bahan grafik tentang program usahawan remaja yang lain kepada bentuk prosa.

3.6.2 Menulis dan mengadaptasi sesuatu bahan grafik kepada prosa menggunakan ayat yang menarik dan gramatis.

4.3.2 Menghasilkan puisi berdasarkan bahan rangsangan yang sesuai menggunakan bahasa yang indah dan menarik.



Kawal Perbelanjaan Anda




1. Berdasarkan bahan, berbincanglah untuk mendapatkan idea lain tentang isu yang dikemukakan.
2. Kembangkan idea tersebut menjadi teks pidato.
3. Sampaikan pidato dengan intonasi yang sesuai.



TEMA 14

Ekonomi Mapan, Negara Makmur

Ada dalam kalangan anggota masyarakat yang suka membeli-belah, terutamanya apabila tiba musim perayaan. Budaya membeli-belah tidak membawa kemudaratan jika dirancang dengan baiknya. Namun begitu, jika tabiat ini tidak dapat dikawal, tabiat ini akan menjejaskan kewangan.



Masalah hutang yang berterusan

Emosi kurang stabil

Ekonomi keluarga terjejas

Perbelanjaan tidak terkawal

Tahukah anda?

Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) pernah menganjurkan Kempen Hari Tidak Berbelanja. Menerusi kempen ini, tarikh 16 Julai pada setiap tahun dipilih sebagai hari tidak berbelanja. Antara objektif kempen ini adalah untuk memberikan kesedaran kepada pengguna tentang tabiat berbelanja mereka. Walaupun kempen ini telah berakhir, namun tidak salah jika kita meneruskan amalan yang baik ini.


Amalan yang Baik



TEMA 14

Ekonomi Mapan, Negara Makmur

Kesan Amalan yang Baik



Cerna Minda

Rancang perbelanjaan anda untuk tempoh sebulan.

1.6.1 Menjana idea dan menyampaikan pidato dengan betul, jelas, dan intonasi yang sesuai menggunakan ayat yang gramatis.



Mentari Bersinar Jua



1. Baca bahan dan kenal pasti kesalahan tatabahasa yang terdapat dalam bahan. Kemudian, betulkan kesalahan tersebut.
2. Sunting bahan agar menjadi lebih menarik.

TEMA 14

Ekonomi Mapan Negara Makmur

Pedoman buat Sahabat

Keluarga Rania menghadapi krisis ekonomi. Sebagai sahabat baik, Risha menghulurkan simpatinya sambil memberikan nasihat yang berguna kepada Rania.

Suatu petang, ketika murid-murid lain bermain, Rania bersendirian di tepi padang. Dia hanya memerhatikan rakan-rakan lain bermain.

Menyedari keadaan itu, Risha mendekati Rania.

“Mengapakah awak tidak ikut bermain?” soal Risha, lembut.

“Saya tidak ada semangat hendak bermain,” balas Rania.

“Ada masalahkah?” soal Risha kembali.

“Ini bukanlah masalah saya seorang. Ini ialah masalah keluarga saya,” balas Rania. “Keluarga saya menghadapi krisis ekonomi,” katanya lagi.

“Kasihannya. Saya bersimpati dengan keluarga awak,” kata Risha.

“Apakah yang patut saya buat? Saya kasihkan ibu bapa saya,” kata Rania.

“Kurangkan perbelanjaan awak, Rania dan bersyukur dengan apa yang awak ada,” nasihat Risha. Jika awak bersyukur, awak akan berpuas hati dengan kehidupan awak. Awak perlulah ingat bahawa ada orang yang lebih sukar hidupnya berbanding dengan awak,” nasihat Risha lagi, panjang lebar.

Rania angguk sahaja. Ada benarnya kata-kata Risha itu.



“Apa lagi, Risha?” Soal Rania. Nasihat Risha memang berguna untuknya.

“Awak janganlah meminta yang bukan-bukan daripada ibu bapa awak,” kata Risha. “Amalkan gaya hidup yang sederhana. Perbelanjaan secara boros tidak patut awak amalkan,” katanya lagi. “Jika awak berbuat begitu, tentu ringan bebanan ibu bapa awak,” sambungnya pula.

“Saya sudah tidak mahu memintaminta apa-apa lagi daripada ibu bapa saya,” kata Rania. “Walaupun saya teringin itu ini, saya pendamkan sahaja,” katanya pula, sedih.

“Awak perlulah bersabar, Rania. Hidup ini memang penuh dengan dugaan dan cabaran,” nasihat Risha lagi.


“Saya diberi risalah ini sewaktu keluar dari Pasar Raya Jimat. Bacalah. Barangkali berguna untuk awak,” kata Risha sambil menghulurkan risalah tersebut kepada Rania.

“Terima kasih, Risha. Awak memang seorang kawan yang baik. Awak selalu bersama saya apabila susah dan senang,” kata Rania.

Risha sekadar tersenyum nipis. Dia bersimpati dengan nasib keluarga Rania. Semoga rezeki keluarga Rania akan bertambah lagi selepas ini. Doa Risha sungguh-sungguh.

LANGKAH POSITIF MENANGANI MASALAH EKONOMI KELUARGA

- Jangan berputus asa bila berhadapan dengan situasi getir ini.
- Ibu bapa perlu tingkatkan usaha untuk mencari rezeki yang halal.
- Semua keluarga perlu duduk semeja membincangkan tentang langkah penjimatan perbelanjaan.
- Langkah penjimatan yang telah dikenalpasti patut diamalkan secara berterusan.
- Ibu bapa dan anak-anak perlu mengatur semula pengurusan kewangan keluarga.
- Semua anggota keluarga perlu saling bekerjasama dan bukan saling salah menyalahkan terhadap situasi yang berlaku.



KSP (Kami Sentiasa Peduli)

Kami juga menawarkan perkhidmatan kewangan kepada individu atau keluarga, secara percuma.

Kepakaran kami;

- Pendidikan Kewangan
- Kaunseling Kewangan

HUBUNGI KAMI; 03-12345678

TEMA 14

Ekonomi Mapan Negara Makmur



Cerna Minda

Sunting hasil karya rakan anda.





Berita Gempar



1. Baca bahan dengan telitinya. Kemudian, ulas maklumat yang diperolehi daripada kedua-dua bahan tersebut.
2. Berdasarkan perbualan Mashitah dan Vikisawaty, tukarkan ayat cakap ajuk kepada ayat cakap pindah.



TEMA 14

Ekonomi Mapan, Negara Makmur

Kadar Muflis Golongan Muda di Malaysia Merisaukan

KUALA LUMPUR, 25 Ogos - Kadar muflis dalam kalangan golongan muda di Malaysia semakin merisaukan. Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Azaddin Ngah Tasir berkata, berdasarkan semakan rekod daripada Jabatan Insolvensi Malaysia, didapati sebanyak 97 215 kes kebangkrutan dicatatkan di negara ini sepanjang tahun 2012 sehingga bulan September 2016.

Menurut beliau, daripada jumlah itu, sebanyak 22 581 kes atau 23 peratus membabitkan kategori dewasa muda yang berumur antara 25 tahun hingga 34 tahun. Sebanyak 1157 kes lagi membabitkan mereka yang berumur bawah 25 tahun. Salah satu daripada sebab utama kebangkrutan ialah kegagalan mereka melunaskan pinjaman sewa beli kenderaan yang membabitkan sebanyak 26 801 kes atau 27.6 peratus, disusuli pinjaman peribadi 22 153 kes atau 22.8 peratus, dan pinjaman perumahan 18 819 kes atau 19.4 peratus.

(Dipetik dan diubah suai daripada www.bharian.com.my)

JUMLAH KES KEBANKRAPAN MENGIKUT PUNCA KEBANKRAPAN PADA TAHUN 2017

Kategori kebangkrutan	Jumlah
Sewa beli kenderaan	4102
Pinjaman perumahan	2675
Pinjaman peribadi	5496
Hutang kad kredit	1773

(Sumber: Jabatan Insolvensi Malaysia)

Wah, banyak benar golongan muda yang muflis! Saya rasa tentu ada kesan yang tidak baik jika kita diisytiharkan muflis. Apakah pendapat awak dalam hal ini, Vikisawaty?



Saya berpendapat bahawa mereka kurang pendidikan tentang pengurusan kewangan. Setahu saya, orang yang diisytiharkan muflis tidak dibenarkan ke luar negara. Ada banyak lagi kesan buruk jika muflis, Mashitah.



Krup, Krap, Krup, Krap!



1. Baca dan kenal pasti kesalahan tatabahasa dalam cerpen.
2. Edit dan sunting kesalahan tatabahasa yang terdapat dalam cerpen dan sudahi cerpen tersebut berdasarkan kreativiti anda.



“Amboi, sejak dapat pulas stereng baharu, sekali pun kau tak singgah di gerai aku, Doni,” kata Mak Piah ketika berselisih dengan abang Doni di Kedai runcit Pak Cik Malek.

“Tak sempatlah, Mak Piah. Lagipun, selalunya saya bersarapan pagi di kilang,” jawab Doni.

“Aku hairan betullah dengan engkau, Doni. Kau tak malu ke bekerja dengan Lokman? Bekerja dengan budak-budak. Umur kau dah lanjut. Patut-patutnya kau yang jadi bos, bukannya si Man Krup Krap tu,” kata Mak Piah, menempelak abang Doni.

“Apa pula yang nak dimalukan, Mak Piah. Saya berbangga lagi adalah. Bukannya ramai bos muda seperti dia,” jelas abang Doni.

“Bangga? Hisy, memanglah engkau jenis yang tak malu. Bekerja dengan budak-budak. Mendengar arahan budak-budak. Kalau aku, jangan haraplah aku nak bekerja dengan budak-budak seperti tu,” balas Mak Piah, mencebik bibirnya, tanda tidak suka.

“Apa pula yang nak dimalunya. Bukannya tak bagus. Mak Piah tengoklah kami sekarang. Dari bekerja di pasar malam dan pasar tani, kami sudah maju. Permintaan kerepek semakin menambah. Tak lama lagi, seluruh negeri Kedah akan dibekalkan dengan kerepek ubi kayu keluaran syarikat kami.


Perbualan itu tamat mendadak. Doni cepat-cepat meninggalkan Mak Piah. Dia ingin menghantar kerepek ke kedai lain pula.

(Dipetik dan diubah suai daripada novel *Man Krup Krap* karya Alias Derails, 2008. KarnaDya Solutions Sdn. Bhd.)

TEMA 15

DESTINASI MISTERI

- **Kalendar Aktiviti Pelancongan Perak**
- **Adat Dikelek, Hukum Dijunjung**
- **Keistimewaan Tanjung Simpang Mengayau**
- **Terokai Dunia Dasar Laut**
- **Buah Tangan Merakamkan Kenangan**
- **Pembuatan Kotak Serba Guna Daun Serdang**
- **Mahu Berinteraksi dengan Gajah?**
- **Apakah Kata Mereka?**

An underwater photograph of a coral reef. In the foreground, a large, vibrant sea anemone with yellow and orange tentacles is prominent. A clownfish with orange and white stripes is swimming near it. The background shows a diverse coral reef with various types of coral in shades of brown, orange, and green, extending into the blue water.

“Memajukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan kebudayaan bertaraf dunia menjelang tahun 2020 serta mengekalkan jati diri bangsa yang berteraskan seni, budaya, dan warisan negara.”

**– Visi Kementerian Pelancongan,
Seni dan Budaya Malaysia**



Moh ke Perak



Aktiviti

Berbincanglah untuk menyediakan pakej pelancongan di Perak untuk tiga hari dua malam yang sesuai bagi:

- Kumpulan besar yang terdiri daripada lelaki dan wanita pelbagai usia.
- Kumpulan besar yang terdiri daripada murid sekolah menengah.
- Kumpulan kecil yang mahu melancong untuk berehat sepenuhnya.
- Kumpulan kecil yang mahu melancong dengan kos yang minimum.



TEMA 15

Destinasi Misteri

KALENDAR AKTIVITI PELANCONGAN

PERAK

Januari

2 - 3: Kayuhan Kuala Kangsar

Februari

15 - 16: *Fiesta* Kesenian dan Kebudayaan Royal Belum

Mac

1 - 2: Cabaran *Motocross* Batu Gajah

8 - 9: *Fiesta* Memancing Udang Galah Teluk Intan

April

11 - 12: Larian Bendang Menara Condong

26 -27: Pesta Rakyat Kuala Kangsar

Mei

3 - 4: Pertandingan Memancing GP Joran

17 - 18: Pameran Fotografi Bandar Raya Ipoh

24 - 27: Pesta Laut Pangkor

30 - 31: Moh Mengagor





Jun

- 7 - 9: *Royal Belum World Drum Festival*
- 8 - 9: Pameran Keris Taming Sari dan Pedang Cura Si Manja Kini
- 4 - 15: Moh Weh Jamah Deghoyan

Julai

- 15 - 16: Larian Antarabangsa Ipoh
- 20 - 28: Karnival Lenggong

Ogos

- 23 - 27: Karnival Zoo Taiping dan *Night Safari*
- 24 - 25: Jambori Basikal Batu Gajah

September

- 4 - 5: Cabaran Eko-Gua Tempurung
- 6 - 10: *Royal Belum International Birds Watching*

Oktober

- 19 - 20: Festival Seni
- 21 - 28: Sukan Air dan Sukan Antarabangsa

November

- 1 - 2: Pencarian Harta Karun Royal Belum
- 1 - 3: Festival Kereta

Disember

- 5 - 7: Festival Perahu Naga Antarabangsa Royal Belum
- 11 - 14: Festival Puisi dan Lagu Rakyat Antarabangsa Pangkor (PULARA)
- 12 - 14: Festival Pertunjukan Udara
- 23 - 28: Karnival Seni dan Warisan

TEMA 15

Destinasi Misteri



Tahukah anda?

Ipoh berada di tempat ke-6 dalam Undian Bandar Raya Asia yang menarik untuk dilawati oleh *Lonely Planet*.



Hasilkan brosur tentang pakej pelancongan ke tempat atau destinasi pilihan.



1.7.1 Berbincang tentang sesuatu perkara untuk menerima atau menolak pandangan secara rasional dengan ayat yang gramatis dan bahasa yang santun.



Membaca



Seni Bahasa

Kembara Borneo



IMBAS SAYA




Aktiviti

1. Baca karya prosa dengan menggunakan teknik bacaan QUACK.
2. Kemukakan pendapat anda tentang idea yang disampaikan.
3. Persembahkan karya prosa dalam bentuk ilustrasi secara kreatif.



TEMA 15

Destinasi Misteri





Adat Dikelek, Hukum Dijunjung



Aku begitu terpegun melihat keasyikan Puan Ana membelek-belek parang Bajau hasil kerja tangan Encik Jemawid, pandai besi yang terkenal di Kampung Siasai. Sambil meneliti kehalusan ukiran pada ulu dan sarung parang, dia bertanya itu dan ini lalu membuat catatan. Wajahnya

kala ini sama seperti wajahnya ketika meneliti hiasan pada pakaian kuda Bajau di kediaman Datuk Golkhan Hasbullah di Kampung Tombol - ceria, bersemangat, dan penuh kekaguman.

Sepanjang lima tahun menjadi pemandu pelancong, inilah kali pertama aku diminta untuk membawa sekumpulan pengkaji budaya melawat Sabah. Ada empat orang kesemuanya termasuk Puan Ana selaku ketua



Keistimewaan Tanjung Simpang Mengayau

- Dikenali sebagai penghujung bahagian utara Kepulauan Borneo.
- Kelihatan seperti tanduk dalam peta negeri Sabah.
- Menjadi titik pertemuan Laut China Selatan dengan Laut Sulu.
- Menjadi tempat laluan pedagang dari negeri China.
- Keindahan pantai dan kejernihan air laut amat memukau.
- Formasi batu-batuan yang terbentuk akibat hakisan angin begitu unik.
- Panorama yang sungguh menarik ketika matahari terbit dan terbenam.
- Menurut legenda, tempat ini merupakan kawasan pendaratan bagi lanun.
- Nama asal Tanjung Simpang Mangazou berasal daripada bahasa kaum Rungus, sebuah kumpulan etnik yang tinggal terutamanya di daerah Kudat. Tanjung (tanjung), Sampang (kesatuan) dan Mangazou (pertempuran) ialah perkataan yang merujuk lokasi pertempuran yang berlaku apabila etnik Rungus mempertahankan wilayah mereka daripada serangan lanun.

pengkaji. Kembara enam hari lima malam bermula di Kota Belud, terus ke Kudat, langsung ke Kundasang, dan berakhir di Kota Kinabalu.

Pagi-pagi sebelum ke Kampung Siasai ini, mereka kubawa ke Tamu Kota Belud. Puan Ana begitu kagum melihat barangan yang dijual terutamanya kuih-muih tradisional.

“Encik Logiman!” Aku terkejut daripada lamunan apabila disapa secara tiba-tiba. Aku memandangi Puan Ana dengan penuh tanda tanya.

“Penggambaran cara pembuatan gong di Kampung Sumangkap, Matunggong esok terpaksa dibatalkan. Dapat panggilan daripada Encik Jamali, pembuat gong. Katanya, hari ini ada kematian di kampungnya. Semua kerja pembuatan gong terpaksa dihentikan selama 15 hari sebagai tanda berkabung.” Dahi Puan Ana berkerut. Wajahnya jelas cemas.

“Oh, memang begitu, puan! Mengikut adat suku kaum Rungus, bunyi-bunyian tidak dibolehkan sepanjang mereka berkabung. Jika larangan dilanggar, sogit akan dikenakan,” sampuk Azli, pemandu kenderaan pacuan empat roda kami yang tiba-tiba muncul. Ketika ini, kesemua ahli kumpulan telah pun mengelilingi kami.

“Kalau begitu, kita kena ubah program kita. Esok pagi-pagi, kita bergerak ke Kudat. Kita singgah juga di Kampung Sumangkap

sementara. Kemudian, kita ke Rumah Panjang Rungus di Kampung Bavanggazo. Menjelang petang, kita ke Tanjung Simpang Mengayau untuk melihat matahari terbenam,” tegas Puan Ana.

“Setuju!” jawab ketiga-tiga orang ahli kumpulan secara hampir serentak. Mereka seolah-olah sudah tidak sabar-sabar hendak menyaksikan keindahan dan keistimewaan Tanjung Simpang Mengayau.



Cerna Minda

Temu bual tokoh di tempat anda tentang keistimewaan tempat tersebut.

2.4.1 Membaca dan memahami serta mengemukakan pendapat yang rasional tentang pelbagai bahan fiksi dan bukan fiksi.

4.4.1 Mempersembahkan karya prosa dalam bentuk ilustrasi menggunakan pelbagai media secara kreatif.

TEMA 15

Destinasi Misteri



Keajaiban Dasar Laut



1. Analisis maklumat yang terdapat dalam bahan.
2. Tulis karangan yang bertemakan taman laut dengan menggunakan bahasa yang gramatis dan kreatif.



TEMA 15

Destinasi Misteri

Terokai Dunia Dasar Laut

Kajian mendapati bahawa lautan melitupi 70 peratus daripada permukaan bumi. Oleh sebab itu, lautan sangat penting dan mempunyai pelbagai kegunaan termasuk sebagai agen penyederhanaan suhu bumi dan sebagai sumber ekonomi termasuk perikanan dan pelancongan. Keindahan laut bukan hanya dapat dinikmati dari pantai, malahan menerokai dasarnya merupakan pengalaman yang sungguh menakjubkan. Menyelami dan menikmati keindahannya menyebabkan kita berasakan seolah-olah berada di dunia baharu yang penuh dengan misteri dan keajaiban. Oleh itu, perairan negara kita yang mempunyai ekosistem yang produktif lagi kaya dengan kepelbagaian biologi marin telah menjadi tumpuan pelancong dari serata dunia, khususnya bagi mereka yang meminati aktiviti bersnorkel dan selam skuba.

Oleh hal yang demikian, bagi memastikan khazanah laut yang memakan masa beratus-ratus tahun untuk terbentuk ini tidak musnah akibat kegiatan pelancongan, sebanyak 42 buah pulau di negeri Johor, Pahang, Terengganu, Kedah, dan Labuan telah digazetkan sebagai Taman Laut. Pulau-pulau ini diletakkan di bawah kawalan Jabatan Taman Laut Malaysia. Walau bagaimanapun, sebagai pelancong, kita juga sewajarnya memainkan peranan untuk memelihara dan memulihara Taman Laut kita yang indah lagi unik ini dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan semasa berkunjung ke sana.


(Sumber: Jabatan Taman Laut Malaysia)



Karang Keras: *Platygyra sp.*
(Karang Otak)



Karang Keras: *Montipora sp.* (Karang Kubis)




Karang Lembut: *Sarcophyton sp.*




Ikan Karang: *Pterois voltans*
(Lionfish)

Kedatangan Pelawat ke Taman Laut Tahun 2014 - 2016



Bilangan Spesies Hidupan Marin di Perairan Malaysia



(Sumber: *Malaysia's Marine Biodiversity: Inventory and Current Status*, 2011)



Cerna Minda

1. Berbincanglah tentang projek pembinaan akuarium di kelas.
2. Tulis kertas kerja tentang projek tersebut dan bentangkannya.



TEMA 15

Destinasi Misteri

3.4.5 Menulis sesuatu penulisan dengan wacana yang lengkap serta menggunakan bahasa yang gramatis dan kreatif.



Mendengar dan Bertutur



Tatabahasa

Dari Mata Turun ke Hati



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, kenal pasti isu pembuatan kraf tangan tempatan.
2. Kemukakan pendapat anda tentang isu tersebut.
3. Analisis kesalahan bahasa dalam bahan dan betulkan kesalahan tersebut.



TEMA 15

Destinasi Misteri

Buah Tangan Merakamkan Kenangan

Pelancong selalunya akan membeli cenderamata di tempat yang dikunjungi. Hal ini sudah menjadi macam satu kemestian kerana pelancong pasti tidak mahu pulang dengan tangan kosong. Oleh kerana permintaan yang tinggi, industri pembuatan cenderamata makin lama semakin berkembang maju. Institusi pendidikan dan pusat kemahiran yang berorientasi pembuat cenderamata juga semakin dapat perhatian. Walau bagaimanapun, negara kita memerlukan lebih banyak cenderamata yang unik dan beridentiti kenegaraan. Selain itu, faktor kualiti dan pelbagaian produk-produk juga perlu diambil kira. Pereka juga perlu kreativiti dan inovasi agar cenderamata yang dihasilkan sentiasa menarik perhatian pelancong.

Pembuatan Kotak Serba Guna Daun Serdang

Antara bahan-bahan yang diperlukan adalah:

1. Sebuah kotak kitar semula.
2. Benang, tali guni atau tali rafia.
3. Jarum.
4. Daun serdang berwarna-warni yang dipotong ikut saiz kotak.
5. Perhiasan, contohnya anyaman keris-keris atau renda.



1. Cantum hujung daun serdang yang dipotong serong secara berselang-seli mengikut warna dengan jarum yang berbenang. Kemudian, ambil penutup kotak dan cucukkan jarum ke bahagian tengah penutup kotak lalu matikan jahitan.



2. Bahagikan daun serdang pada dua bahagian agar menutupi seluruh permukaan kotak secara seimbang. Kemudian kelepakkan daun serdang ke dalam penutup kotak dengan kemas.



3. Jahit mengelilingi bahagian tepi permukaan penutup kotak.



4. Lekatkan hiasan untuk menutupi jahitan. Ulang cara sama untuk bahagian kotak bawah.



5. Kotak serba guna yang sungguh menarik siap untuk penjualan.



Cerna Minda

1. Cipta cenderamata yang dapat diketengahkan sebagai produk pelancongan.
2. Persembahkan cara pembuatan cenderamata tersebut.



- 1.8.1 Mengkritik secara membina tentang sesuatu isu kemasyarakatan dengan kritis dan jelas menggunakan ayat yang gramatis.
- 5.6.1 Menganalisis dan menggunakan tatabahasa yang betul dalam ayat.



Mahut Kuala Gandah



1. Baca dan analisis bahan untuk mengenal pasti kesalahan bahasa.
2. Betulkan kesalahan tersebut tanpa mengubah maksud asal petikan.

TEMA 15

Destinasi Misteri

Gajah ialah haiwan darat yang besar sekali. Gajah juga memiliki ciri fizikal yang unik. Belalainya yang panjang dan berupaya meliuk ke kiri, kanan, atas, dan bawah, merupakan ciptaan Tuhan yang sungguh amat istimewa. Tentu ada yang tertanya-tanya, apa keistimewaannya? Untuk tahu jawapannya, kunjungilah ke Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) yang terletak di Kuala Gandah, Temerloh, Pahang.

PKGK merupakan satu dari destinasi eko pelancongan yang paling menarik sekali di Malaysia. Di antara aktiviti menarik yang disediakan di PKGK adalah interaksi pengunjung dan gajah secara terkawal. Dengan adanya kawalan dari para mahut yang terlatih, pengunjung boleh melibatkan diri di dalam beberapa aktiviti-aktiviti di PKGK.

PKGK turut memberi lebih banyak peluang kepada orang ramai untuk bersama-sama terlibat dalam aktiviti konservasi. PKGK telah mengenengahkan aktiviti sukarelawan berasaskan pelancongan atau voluntourism. Selain dari itu, peserta juga berpeluang untuk melihat dan terlibat di dalam kerja-kerja berkaitan gajah. Adalah diharapkan aktiviti sedemikian dapat meningkatkan kesedaran kepada pengunjung betapa perlunya penglibatan bersama dalam program konservasi terhadap hidupan liar terutamanya gajah.

**Mahu
Berinteraksi
dengan
Gajah?**

Apakah Kata Mereka?



“Mahu lihat gajah mandi ataupun mandi bersama gajah? Jom ke PKGK untuk mengenali semua gajah denak yang jinak seperti Selendang, Siput, Lancang, Timur, Sanum dan Linang. Walau bagaimanapun, sambil berseronok dengan pelbagai aktiviti yang amat mengujakan, jangan lupa, mematuhi arahan para-para mahut dan aturan keselamatan di PKGK.”

Encik Saudi bin Sidek - Ketua Mahut



“Saya seolah tidak percaya dapat pegang dan belai gajah-gajah ini semasa beri makanan. Pengalaman yang terindah sekali! Jika ada masa terluang, ingin juga saya terbabit sebagai sukarelawan bagi membantu memandi dan menyediakan makanan untuk gajah.”

Puan Zanariah - Pengunjung

TEMA 15

Destinasi Misteri

Masa	Aktiviti
10:30 pagi	Memerhati dan bergambar dengan anak gajah.
1:00 tengahari	Menonton tayangan video mengenai kerja menyelamatkan gajah liar daripada kawasan konflik ke habitat baru oleh Jabatan PERHILITAN.
2:15 – 3:00 petang	Penerangan konservasi dan pertunjukkan bermaklumat daripada mahut dan gajah.
3:00 – 4:30 petang	Memandi dan memerhati anak gajah dalam kandang.



Cerna Minda

1. Kenal pasti kesalahan bahasa yang ada di persekitaran anda. Catat kesalahan tersebut berserta dengan lokasinya.
2. Cadangkan cara yang terbaik untuk membetulkan kesalahan bahasa yang ada di persekitaran anda itu.



3.7.1 Mengedit dan menyunting ayat dalam pelbagai teks tanpa mengubah maksud asal.



Percutian Tanpa Tangisan



1. Berpandukan gambar, berbincanglah tentang masalah yang berlaku dan cadangan penyelesaian yang terbaik bagi mengatasi masalah tersebut.
2. Berdasarkan bahan, tulis cerpen yang bertemakan isu kesihatan dan keselamatan semasa melancong dengan menggunakan bahasa yang kreatif.



TEMA 15

Destinasi Misteri

Penilaian Risiko sebelum Melancong

Semasa melancong, perancangan serta langkah pencegahan dapat mengurangkan risiko masalah kesihatan dan keselamatan. Selain menggunakan nasihat yang disediakan ini sebagai panduan, setiap individu yang akan bercuti terutamanya ke luar negara perlu melakukan penilaian risiko. Antara faktor yang perlu dinilai ialah tahap kesihatan diri, lokasi, tempoh percutian, cuaca, jenis pengangkutan, dan lain-lain lagi.



Nasihat sebelum, semasa, dan selepas Percutian

Aspek Kesihatan

Jika mengalami masalah kesihatan:



Berbincanglah dengan doktor anda sebelum melancong.



Rujuk Kementerian Kesihatan untuk nasihat umum.



Ambil vaksinasi jika perlu.



Bawa preskripsi ubat dan surat doktor.



Simpan ubat yang perlu di dalam beg tangan.



Dapatkan nombor telefon kecemasan dan alamat hospital yang berdekatan.



Buat pemeriksaan jika tidak sihat setelah kembali daripada bercuti.

Aspek Keselamatan

Jika ke luar negara dengan menaiki kapal terbang:



Semak had jumlah beg yang boleh dibawa dengan tangan.



Periksa kesahihan pasport dan keperluan visa.



Simpan pasport anda di tempat yang selamat.



Fotostat muka hadapan pasport anda dan simpan di tempat yang berasingan bersama-sama dengan dua keping gambar saiz pasport.



Jangan tinggalkan bagasi anda tanpa kawalan. Semasa di dalam kapal terbang, simpan beg anda di ruang tempat penyimpanan yang bertentangan dengan tempat duduk anda agar anda dapat melihatnya.



Beli insurans perjalanan yang cukup dan sesuai.



Ketahui lokasi kedutaan dan konsulat Malaysia atau dapatkan nombor telefon serta alamatnya.

TEMA 15

Destinasi Misteri

(Sumber: <http://www.myhealth.gov.my/melancong-dalam.keadaan-sihat-dan-perlindungan-yang-baik/>)

TEMA 16

MENCAPAI IMPIAN, MENUAI KEJAYAAN

OTAK KIRI



- Koleksi Jauhari
- Kerjaya sebagai Arkitek
- Vila Impian
- Kerjaya sebagai Penulis
- Kemahiran Menjanakan Pendapatan
- Kebolehan Diri Kerjaya Abadi
- Kepuasan Anda Keutamaan Kami
- Surat daripada Pelanggan

“Percaya akan sesuatu yang sukar untuk dipercayai, impikan sesuatu yang mustahil, dan jangan pernah katakan ‘tidak’ sebagai jawapan.”

- Tony Fernandes (Tokoh Korporat)

OTAK KANAN





Mendengar dan Bertutur

Langka tetapi Berharga



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, berundinglah untuk membeli salah satu barang di bawah ini dan berikan alasan.
2. Berdasarkan bahan, lakonkan perundingan jual beli barang dengan menggunakan ayat yang gramatis dan bahasa yang santun.



TEMA 16

Mencapai Impian, Menuai Kejayaan

Ada orang yang mengumpulkan barang lama sebagai koleksi berharga. Bagi memenuhi permintaan mereka, urusan jual beli barang lama telah menjadi suatu kerjaya. Mereka menjualnya di kedai atau melalui jualan dalam talian.

koleksijauhari.blogspot.com

Koleksi Jauhari



Saya pengumpul dan penjual barangan lama yang disimpan sebagai kenang-kenangan, dan sebagai koleksi. Sesiapa yang berminat boleh menghubungi saya untuk perbincangan selanjutnya.

Abang Kussaini bin Abang Masaed
Telefon: 012-1234567
E-mel: abangkussaini@zmail.com

Koleksi

- Barang antik
- Tabung
- Setem
- Buku
- Komik
- Pakaian

Bulan

- Januari 2018 (7)
- Februari 2018 (3)
- Mac 2018 (1)
- April 2018 (5)
- Mei 2018 (6)

25
Mei 2018
Jumaat

Tabung Duit Bank Simpanan Nasional

Sejak penubuhannya pada tahun 1974, Bank Simpanan Malaysia (BSN) telah menyediakan perkhidmatan bank bergerak. Dengan menggunakan van ini, BSN telah membuat lawatan ke sekolah, balai raya, dan tempat perniagaan. Perkhidmatan ini telah memudahkan orang ramai untuk berurusan dengan BSN.

Tabung duit van BSN edisi pertama ini dikeluarkan pada tahun 2013.




28

Jun 2018
Khamis

Seniman Agung, Tan Sri P. Ramlee

Sebagai tanda penghormatan paling istimewa kepada Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee, Pos Malaysia telah mengeluarkan setem keluaran peringatan khas. Setem-setem dalam keluaran ini menampilkan beliau sebagai seniman serba boleh. Beliau merupakan pelakon, penyanyi, pelawak, penggubah lagu, dan pengarah filem.

Sampul surat hari pertama ini dijual pada 24 Julai 1999.



22

Disember 2018
Sabtu

Ahmad Patria bin Abdullah

Enam buah novel dalam siri Saga Artakusiad telah ditulis oleh Ahmad Patria bin Abdullah dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Novel-novel cetakan pertama ini menjadi buruan para pengumpul buku.

Buku-buku dalam siri ini adalah seperti yang berikut:

- | | |
|-----------------------------------|-----------------------------------|
| 1. <i>Permata Aurorius</i> (1987) | 4. <i>Petua Azkram</i> (1991) |
| 2. <i>Kota Arialun</i> (1988) | 5. <i>Puteri Alindalia</i> (1991) |
| 3. <i>Kembar Artakus</i> (1988) | 6. <i>Pedang Aurora</i> (1993) |



Cerna Minda

Anda hendak menjual barangan lama yang bernilai. Sediakan teks bagi mempromosikan barangan tersebut untuk dimuat naik dalam portal yang menjual barangan dalam talian.

Blog Pilihan

➤ **saudagar antik**

➔ Piring Hitam
Ahmad Jais

➤ **rimanilizah**

➔ Botol Minuman
Dulu-dulu

➤ **orang kertas**

➔ Surat Khabar
"Merdeka"

➤ **rajawali**

➔ Siri Kerbau
Abdullah Jones

➤ **pasar karat**

➔ Mangkuk Tingkat
Langka

➤ **mata kucing**

➔ Kukur Kelapa
Mak Cik Piah

➤ **koleksi setem**

➔ Setem Kenang-
kenangan: Lat

➤ **kenangan lalu**

➔ Permainan Zaman
Kanak-kanak

Jumlah Pelawat

1, 018, 218

TEMA 16

Mencapai Impian, Menuai Kejayaan

1.7.2 Berunding untuk membuat pertimbangan tentang sesuatu pilihan secara rasional menggunakan ayat yang gramatis dan bahasa yang santun.



Berjaya dalam Pembinaan



Baca teks dengan menggunakan teknik ACID. Kemudian, berikan pendapat anda tentang kerjaya dalam bidang pembinaan.



TEMA 16


Mencapai Impian, Menuai Kejayaan

Kerjaya sebagai Arkitek

Arkitek ialah orang yang bertanggungjawab untuk mereka bentuk sesuatu binaan. Tugas arkitek boleh dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu:

Peringkat Pertama: Mereka Bentuk Bangunan

Pada peringkat ini, arkitek menganalisis keperluan pelanggan dan lokasi yang dicadangkan sebelum menyediakan lakaran berdasarkan konsep reka bentuk bangunan yang sesuai.



Peringkat Kedua: Merancang

Arkitek akan menyediakan pelan untuk diluluskan oleh pihak berkuasa. Seterusnya, arkitek akan membuat lukisan-lukisan bagi memudahkan kerja-kerja pembinaan. Selain itu, arkitek terlibat dalam pemilihan kontraktor.

Peringkat Ketiga: Mengurus Projek

Arkitek menyelia kerja pembinaan dari semasa ke semasa. Mereka menjadi orang tengah dalam perkara yang melibatkan tuan punya bangunan dengan kontraktor. Arkitek turut memberikan khidmat nasihat berhubung dengan spesifikasi bangunan, mutu kerja, maklumat pembayaran, dan perkara lain yang berkaitan dengan pembinaan bangunan.



Vila Impian

Tirai dibuka. Fateh, Zulfikri, iaitu ayah Fateh, dan Hasanah, ibunya berada di ruang tamu sambil minum petang.

Fateh: Adakah ayah bercita-cita untuk menjadi arkitek sejak kecil?

Zulfikri: Benar, Fateh. Ayah memang berminat untuk menjadi arkitek sejak sekolah lagi. Jadi, selepas keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diumumkan, ayah memohon kursus Diploma Seni Bina.

Fateh: Oh, begitu! Apakah kelayakan untuk memohon kursus itu, ayah?

Zulfikri: Kalau berminat, Fateh perlu mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu, Matematik Moden atau Matematik Tambahan, dan Pendidikan Seni Visual atau Grafik Komunikasi Teknikal pada peringkat SPM. Selepas peringkat diploma, Fateh boleh melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana muda pula.

Hasanah: Bagus juga ayah menjadi arkitek, Fateh. Tidak lama lagi, bolehlah ayah membina rumah mengikut cita rasa kita sendiri.

Fateh: Wah, ayah hendak membina rumah untuk kita! (Bangun dan memeluk ayahnya).

Zulfikri: Ya, Fateh. Sudah lama kita tinggal di rumah sewa ini. Telah tiba masanya untuk kita tinggal di rumah sendiri. Ayah hendak membina rumah batu tetapi mempunyai ciri-ciri rumah tradisional Melayu.

Fateh: Kalau begitu, Fateh mahu tingkap bilik Fateh menghadap taman mini. Tentu seronok membaca buku sambil mendengar bunyi air pancuran dari taman di luar rumah.

Zulfikri: Wah, hebat juga permintaan anak ayah ini! Baiklah, ayah akan membina tiga taman mini di rumah kita. Satu di halaman rumah, satu di belakang dapur dan satu lagi di antara bilik Fateh dengan bilik ayah dan ibu.


Hasanah: Bilakah abang hendak membina rumah itu?

Zulfikri: Abang akan menyediakan pelan vila yang kita impikan itu dahulu. Setelah pelan itu diluluskan oleh majlis perbandaran, pembinaan akan dimulakan. Dalam sebulan atau dua bulan lagi, rumah itu mungkin akan mula dibina. Lebih kurang setahun lagi, kita akan tinggal di vila impian kita.

Hasanah: Terima kasih, abang.

Fateh: Terima kasih, ayah.

Tirai ditutup.



TEMA 16

Mencapai Impian, Menuai Kejayaan



Cerna Minda

Nyatakan kerjaya pilihan anda dan sebab-sebab anda memilih kerjaya tersebut.

2.4.1 Membaca dan memahami serta mengemukakan pendapat yang rasional tentang pelbagai bahan fiksi dan bukan fiksi.



Bakat Menulis Pulangan Lumayan



1. Analisis maklumat dalam bahan.
2. Tulis karangan yang lengkap dengan menggunakan bahasa yang gramatis dan kreatif.



TEMA 16

Mencapai Impian, Menuai Kejayaan

Kerjaya sebagai Penulis

Apakah yang boleh anda tulis?



Bagaimanakah anda mendapat idea untuk menulis?

Pengalaman

- * Kisah benar diri sendiri
- * Kisah benar orang lain

Pembacaan

- * Karya kreatif
- * Bahan bacaan umum

Pemerhatian

- * Memerhatikan kehidupan orang lain
- * Memerhatikan haiwan, tumbuhan, dan sebagainya

Ilham

- * Ilham yang tiba-tiba terlintas dalam fikiran
- * Ilham yang muncul melalui pembacaan

Setelah mendapat ilham, apakah langkah-langkah seterusnya?



Tahukah anda?



Ramlee Awang Murshid digelar sebagai “Penulis *Thriller* No. 1 Malaysia”. Novel beliau mendapat sambutan hebat dalam kalangan pembaca. Para peminat begitu mengagumi karya-karya beliau sehingga tertubuhnya kelab peminat beliau, iaitu Kelabram.

Karya pertama beliau yang berjudul *Igauan Maut* (1995) memenangi tempat kedua dalam peraduan menulis novel anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Novel *Pei Pan* (2002) turut memenangi tempat kedua dalam pertandingan novel Hadiah Sako 2 anjuran Utusan Publication & Distributors.

Novel *Tombiruo* (1998) telah diadaptasi sebagai filem dengan judul *Tombiruo: Penunggu Rimba* pada tahun 2017. Novel *Mandatori* (2000) pula telah diadaptasi sebagai siri televisyen dengan judul yang sama pada tahun 2018.

Ramlee Awang Murshid telah menulis lebih daripada 30 buah novel. Hasil daripada pendapatan dalam bidang penulisan, beliau telah dapat membeli kereta dan rumah idaman. Beliau dan keluarga menikmati kesenangan daripada novel-novel yang dihasilkannya.

Bagaimanakah karya anda boleh diterbitkan?

Syarikat penerbitan

Majalah dan surat khabar

Menerbitkannya sendiri



Cerna Minda

Anjurkan pameran mengenai tokoh-tokoh penulis yang berjaya di Malaysia.

Mencapai Impian, Menuai Kejayaan

3.4.5 Menulis sesuatu penulisan dengan wacana yang lengkap serta menggunakan bahasa yang gramatis dan kreatif.



Mendengar dan Bertutur



Seni Bahasa

Kerja dan Berjaya



IMBAS SAYA



Aktiviti

1. Teliti bahan untuk mendapatkan maklumat tersurat dan tersirat yang terkandung dalam bahan tersebut.
2. Berdasarkan bahan, buat ulasan dengan kritis menggunakan ayat yang gramatis.
3. Persembahkan bahasa berirama secara kreatif dengan menggunakan media yang sesuai.



TEMA 16

Mencapai Impian, Menuai Kejayaan

Kemahiran Menjanakan Pendapatan

Sesetengah orang memang mempunyai bakat semula jadi dalam sesuatu kemahiran. Selain itu, kemahiran juga dapat dipelajari. Tahukah anda bahawa ada kerjaya yang berasaskan kemahiran? Yang berikut antara individu yang memanfaatkan kemahiran untuk berkecimpung dalam kerjaya.



Nur Atikah binti Jamaluddin
(Pengusaha kraf tangan beg kain)



Muhammad Nabil bin Mohd Azahari
(Pelukis mural profesional)



Mohammad Khalilbari bin
Mohammad Sunaibari
(Penternak lembu, kambing, dan rusa)



Nurizzati Athira binti Mohamad Yusoff
(Jurukimpal di dalam air)

Adakah anda berminat untuk menceburi bidang kerjaya yang berasaskan kemahiran? Mari kita baca bahasa berirama tentang kerjaya tersebut.

Kebolehan Diri Kerjaya Abadi

Ada yang berbakat sedari lahir
ada yang belajar mahirkan diri
jika pandai mencium peluang
di situ kerjaya menjadi rezeki
sebagai misalan aku berperi.

Duduk di kerusi bukan sembarangan
tinggi imaginasi jauh pandangan
pengarah filem menjulang aspirasi
berjiwa seni, jujur berkarya
hasil dinikmati, manfaat terasa.

Penyumbang teknologi revolusi industri
mahir menyambung logam dan besi
juruukimpal kini semakin bererti
segenap sektor perlu diisi
peluang besar menambahkan gaji.

Biasa bergelumang tanah dan lumpur
dibakar mentari bermandi keringat
itulah petani moden gigih berbakti
menjaga jelapang rezeki buat negeri
untung tanaman sama-sama dinikmati.

Masalah kenderaan menjadi tugasnya
membaiki enjin penyambung hayat jentera
tugas mekanik bukannya ringan
gris dan minyak terconteng di badan
kepuasan pelanggan jadi taruhan.

Mereka pencipta karya seni dua dimensi
garis, ton, dan warna digabung serasi
merekalah pelukis, berjiwa halus, dan peka
melakarkan mahakarya tinggi harganya
pengisi jiwa bangsa dan negara merdeka.

Gubahan bunyi membentuk irama indah
lirik ditulis secantik pantun dan madah
pemuzik berbakat menghidupkan seni
lagunya dinyanyikan dari dulu hingga kini
pengisi jiwa kosong buat santapan rohani.

Menebuk, mengukir, dan membelah
pelbagai kayu jangan sampai tersalah
juruukir insan kreatif kerja tangan
produk terhasil menjadi barang kenangan
hiasan terindah di dalam bangunan.

Demikian pelbagai kerjaya untuk diceburi
moga puisi ini menjadi inspirasi
buat kalian memperlengkap diri
menempa kejayaan pada kemudian hari.

Haizir bin Othman
Klang, Selangor

TEMA 16

Mencapai Impian, Menuai Kejayaan



Cerna Minda

Ramalkan persediaan anda
untuk mencapai cita-cita
pilihan anda.



- 1.8.2 Mengulas dan menyatakan maklumat yang tersurat dan tersirat daripada sesuatu bahan audio visual dengan kritis menggunakan ayat yang gramatis.
4.4.2 Mempersembahkan puisi dalam pelbagai media secara kreatif.



Perunding Acara



1. Analisis bahan untuk mengenal pasti kesalahan tatabahasa.
2. Edit dan sunting ayat dalam risalah dan surat kiriman rasmi tanpa mengubah maksud asal.
3. Analisis dan terangkan sebab kesalahan tatabahasa yang terdapat dalam bahan.



TEMA 16

Mencapai Impian, Menuai Kejayaan

Kepuasan Anda Keutamaan Kami



SURIA KENCANA SENDIRIAN BERHAD

menyediakan perkhidmatan perunding acara dan majlis kepada anda. Kami berpengalaman selama 15 tahun di dalam menguruskan pelbagai acara di Lembah Klang.

Anda sibuk dan tiada masa untuk menguruskan acara dengan majlis anda?

Jangan bimbang. Kami bersedia untuk membantu anda.

Kami yang mempunyai staff yang mahir di dalam mengendalikan sembarang acara dan majlis untuk kemudahan anda.

- Sambutan hari kelahiran
- Majlis perkahwinan
- Pameran
- Hari keluarga
- Majlis pertunangan
- Ekspo
- Jamuan akhir tahun
- Sebarang jamuan atau kenduri
- Konsert



Bawa risalah ini dan dapati diskaun 10% dari kami.

Segala keperluan anda disediakan oleh kami. Kami sedang memastikan acara atau majlis anda berjalan dengan lancar. Acara atau majlis akan dirancang oleh kami sesuai dengan belanjawan kewangan anda. Perkhidmatan kami meliputi perkara yang berikut:

- ✓ Katering
- ✓ Peralatan pandang-dengar
- ✓ Beg cendera mata
- ✓ Meja dan kerusi
- ✓ Photographi
- ✓ Juru acara majlis
- ✓ Dekorasi tempat
- ✓ Khemah



Anda berminat perkhidmatan kami? Kami menawarkan harga yang istimewa untuk anda. Hubungi kami pada talian 019-123456 dan e-mel kami suriakencana@zmail.com. Anda juga boleh melayari laman sesawang kami www.suriakencana.blogspot.com.

Surat daripada Pelanggan



Persatuan Penjaja Makanan Taman Kejora,
Jalan 4/43B, Taman Kejora,
43400 Shah Alam.

Suria Kencana Sendirian Berhad,
Jalan Permata 6,
Taman Kencana,
43500 Shah Alam.

16 SEPTEMBER 20□□.

Tuan,

Menempah Perkhidmatan untuk Mengendalikan Ekspo Makanan Tradisi.

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak kami berminat untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak tuan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Persatuan Penjaja Makanan Taman Kejora akan mengadakan Ekspo Makanan Tradisi tersebut pada 25 November 20XX. Sebanyak 50 individu dan syarikat telah bersetuju untuk menyertai ekspo tersebut.
3. Sehubungan dengan itu, kami memerlukan 50 reruai bagi menjalani ekspo tersebut. Kami juga memerlukan tempat sesuai menempatkan reruai tersebut. Tempat yang disediakan itu pula mestilah sesuai untuk kerja memasak-masak.
4. Kami juga memerlukan sebuah bilik urusetia bagi memudahkan pengendalian ekspo tersebut berjalan lancar. Oleh itu, kami juga memerlukan kemudahan pentas dan peralatan audio vizual yang baik.
5. Semoga pihak tuan dapat memperhalusi permohonan kami ini dan seterusnya memberikan maklum balas tentang bayaran dan sebagainya. Perhatian dan kerjasama dari pihak tuan amat kami hargai. Terima Kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

(WAN FARISYA BINTI WAN HAWARI)

☎ 03-1234567 ✉ ppmtk@zmail.com 🌐 www.penjajakejora.com

TEMA 16

Mencapai Impian, Menuai Kejayaan

3.7.1 Mengedit dan menyunting ayat dalam pelbagai teks tanpa mengubah maksud asal.
5.6.1 Menganalisis dan menggunakan tatabahasa yang betul dalam ayat.



Penilaian

- A. Baca dan fahami kedua-dua bahan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.


TEMA 16

Mencapai Impian, Menuai Kejayaan

Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan

Bagi membangunkan industri pelancongan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia menyediakan kemudahan pembiayaan pinjaman Dana Pelancongan, iaitu Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan. Tujuan **dana** ini adalah untuk membantu pengusaha yang ingin membangunkan atau mengembangkan produk-produk pelancongan tempatan. Antara projek yang diberikan keutamaan adalah seperti yang berikut:

- Dewan persidangan.
- Galeri dan pusat maklumat.
- Restoran atau kedai berkaitan dengan pelancongan.
- Pelbagai kemudahan pengangkutan bersepadu, terminal limousin, dan laluan pejalan kaki bagi menyediakan jalinan perhubungan yang **efisien** dari satu kawasan ke kawasan yang lain.
- Pembangunan sungai dan *waterfront* serta pelancongan marin.



Rajah 1 Faktor yang Menarik Rakyat Malaysia untuk Bercuti

(Sumber: Diubah suai daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

1. Berikan maksud perkataan-perkataan yang berikut:
 - dana
 - efisien
2. Jenis pelancongan yang tidak tersenarai sebagai produk pelancongan ialah
 - A. ekopelancongan
 - B. pelancongan pendidikan
 - C. pelancongan kesihatan
3. Encik Hakimi telah mencadangkan satu projek pembangunan produk pelancongan, namun cadangannya ditolak. Pada pendapat anda, projek manakah yang dicadangkan oleh Encik Hakimi?
 - A. Projek Taman Tema Pertanian di Pahang
 - B. Projek Pusat Maklumat Bergerak di setiap negeri
 - C. Projek Akuarium Dasar Lautan di Pulau Ubin, Singapura
4. Pada pendapat anda, mengapakah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia mahu membantu pengusaha untuk membangunkan atau mengembangkan produk-produk pelancongan?
5. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam teks dan grafik, cadangkan **satu** produk pelancongan serta jelaskan sebab-sebab projek tersebut dicadangkan.

- B. Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya melebihi 180 patah perkataan.

- i. Kerjaya Pilihan Saya.
- ii. Jauh berjalan, luas pemandangan ialah peribahasa yang membawa pengertian bahawa jika kita banyak merantau, banyaklah perkara yang kita saksikan dan bertambahlah pengalaman kita.

Berdasarkan peribahasa tersebut, tulis sebuah karangan.

- iii. Sekolah anda telah menyertai Pertandingan Sekolah Contoh Peringkat Negeri. Salah satu syarat penyertaan ialah sumber kewangan hendaklah diperoleh melalui projek pengumpulan dana yang diusahakan oleh murid-murid.

Tulis sebuah karangan tentang projek pengumpulan dana yang diusahakan oleh murid-murid sekolah anda bagi menyertai pertandingan tersebut.

C. Analisis kesalahan tatabahasa dalam bahan. Kemudian, tulis kesalahan tersebut dan betulkannya.

Cara Mengenal Penipuan Skim Pelaburan

Kita sering berhadapan dengan pelbagai skim baru. Skim yang menawarkan ganjaran menarik dengan modal yang rendah. Seringkali pelabur yang tertarik dan menyertainya. Namun akhirnya apa yang dijanjikan itu tidak kesampaian dan modal yang dikeluarkan itu lesap begitu sahaja. Oleh itu sebagai langkah-langkah berjaga demi mengelakkan daripada tertipu, sentiasa ingat senarai petua-petua perlindungan berikut:

1. Hindarkan pelaburan yang menjamin keuntungan tetap dan tinggi bagi satu pelaburan kecil di dalam jangkamasa yang pendek.
2. Berhati-hati dengan pelan yang menumpukan kepada membayar anda untuk melatih atau melantik orang lain di bawah anda.
3. Jangan sesekali bersetuju menyertai apa-apa peluang dalam keadaan mendesak.
4. Elakkan membuat bayaran wang pendahuluan sebelum menyertai skim.
5. Jangan melayani panggilan telefon mengenai pelaburan dari pihak yang anda tidak kenal.

D. Dengan berpandukan poster yang berikut, secara berpasangan, berbincanglah tentang Kembara Kerjaya.

KEMBARA KERJAYA 5.0
SWADAYA INSAN JOHOR

TEMUI KAMI DI LOKASI YANG BERIKUT:

25 OGOS 20□□ DEWAN JUBLI INTAN, BATU PAHAT	28 OGOS 20□□ KIPMART, KOTA TINGGI
26 OGOS 20□□ PEKARANGAN DEWAN JUBLI INTAN, MUAR	29 OGOS 20□□ PEJABAT UNIT SWADAYA INSAN NEGERI JOHOR, ISKANDAR PUTERI
27 OGOS 20□□ DEWAN JUBLI INTAN, SULTAN IBRAHIM, KLUANG	

**SEMUA
DIJEMPUT HADIR**

50 AGENSI KERAJAAN
DAN SWASTA

100 MAJIKAN

10 000 PELUANG
PEKERJAAN

2500 PELUANG LATIHAN
KEMAHIRAN



IMBAS SAYA

Jawapan/Lampiran Pilihan



IMBAS SAYA

TEMA 1: SULUH MASA DEPAN

Halaman 8–9 (Soalan 2)

Kata Nama Khas	Kata Nama Am
<p>Hidup manusia - Mohamad bin Omar, Guru Cemerlang Biologi</p> <p>Hidup bukan manusia - <i>Mussaenda pubescens</i>, <i>Platyserium bifurcatum</i></p> <p>Tak hidup bukan manusia - SMK Bunut Susu, Pasir Mas, Kelantan, Malaysia, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Pembelajaran Koperatif, Pembelajaran Kolaboratif, Pembelajaran Sains Secara Inkuiri Penemuan, Taman Sains Rumah Guru, Internet</p>	<p>Hidup manusia - guru, guru-guru, pemudah cara, siapa-siapa, anak bangsa</p> <p>Hidup bukan manusia - tumbuhan berkayu, tumbuhan herba, pokok renek, pokok menumpang atau epifit, modul, kulat saprofit, pokok hiasan, tumbuhan akuatik</p> <p>Tak hidup institusi - sekolah</p> <p>Tak hidup bukan institusi konkrit - taman, gambar-gambar, alam, wang ringgit, halaman rumah, bilik darjah, mana-mana, anugerah</p> <p>Tak hidup bukan institusi abstrak berbilang - latihan, eksperimen, projek, apa-apa kaedah, penilaian sendiri, dialog, perkara, tahap, tumpuan, masa, waktu, jasa, tempat, jenis, perkataan, batasan, lingkungan</p> <p>Tak hidup bukan institusi abstrak tak berbilang - pembelajaran, pengiktirafan, pendidikan, persekolahan</p>
Kata Ganti Nama	Kata Pinjaman
<p>Kata ganti nama diri orang - kamu, kita, anda, mereka, -nya</p> <p>Kata ganti nama diri tanya - apa</p> <p>Kata ganti nama tunjuk umum - itu, ini</p> <p>Kata ganti nama tunjuk tempat - sini</p>	<p>Sanskrit - pancaindera, guru</p> <p>Arab Parsi - misal, pengiktirafan</p> <p>Yunani-Latin-Inggeris - epifit (Yunani), modus operandi (Latin), akuatik (Latin), sekolah (Yunani)</p> <p>Nusantara - aneka (Jawa)</p>

TEMA 2: BERSIH SELALU, SIHAT SENTIASA

Halaman 22-23 (Soalan 3)

Kata Nama	Kata Nama Pinjaman	Kata Pinjaman	
penggunaan waktu status anak alat pelajaran kawan mata malam kerja bidang keadaan ketagihan tingkah laku	risiko insomnia skrin prestasi akademik hajah gajet komunikasi situasi	telefon sosial emosi Internet bateri telekomunikasi dosa pahala	automatik kualiti

TEMA 3: KECERGASAN MENINGKAT, KETERAMPILAN MEMIKAT

Halaman 30-31 (Soalan 3)

Jenis Kata Adjektif

Perasaan	Sifat	Cara	Jarak
teruja mahu patuh	sihat kuat tekun berani lama	cepat	dekat

Contoh Ayat

1. Murid itu berasa **teruja** apabila dipilih mewakili sekolah dalam pertandingan syarahan peringkat daerah.
2. Seorang anggota tentera mestilah mempunyai sifat **berani** demi mempertahankan negara daripada ancaman musuh.
3. Pesara itu masih **sihat** dan aktif walaupun sudah bersara selama 25 tahun.
4. Kita perlu memiliki semangat yang **kuat** jika mahu mencapai kejayaan dalam hidup.
5. Kejayaan murid itu dalam bidang akademik disebabkan dia **tekun** mengulang kaji pelajaran.
6. Qaisara berjalan dengan **cepatnya** ke sekolah agar dia tidak lewat sampai kerana dia bangun lewat pada hari itu.
7. Dia hanya berjalan kaki ke sekolah kerana jarak rumahnya dengan sekolahnya begitu **dekat** sekali.
8. Rumah **lama** itu masih elok lagi kerana dijaga dengan baik oleh pemiliknya.

TEMA 4: WASPADA SELALU

Halaman 50-51 (Soalan 2 dan 3)

- | | | | |
|------------|-------------|-----------|---------|
| 1. oleh | 2. daripada | 3. ke | 4. di |
| 5. dengan | 6. akan | 7. kepada | 8. pada |
| 9. seperti | | | |

Contoh Jawapan

Ramzi melihat seekor anjing berwarna hitam **seperti** arang. Bulu **pada** badan anjing itu mencacak manakala gigi dan gusinya kelihatan. Menurut maklumat yang didapati **oleh** Ramzi **daripada** pembacaan, dia tahu bahawa anjing itu ialah pembawa rabies. Ramzi meninggalkan lorong itu lalu bertemu **dengan** ketua kampung. Beliau telah melaporkan kewujudan anjing itu **kepada** pihak berkuasa tempatan. Tidak lama selepas itu, para petugas telah pergi **ke** lorong tersebut untuk menangkap anjing itu. Ramzi bimbang **akan** penyakit rabies merebak jika anjing itu tidak ditangkap. Sejak peristiwa itu, Ramzi tidak berani berjalan seorang diri **di** lorong tersebut.

TEMA 5: DIRGAHAYU NEGARAKU

Halaman 62-63 (Soalan 2)

- | | |
|-------------|----------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. setelah | Mereka berehat sebentar setelah bekerja sehari suntuk. |
| 2. yang | Kasut yang berwarna hitam menjadi pilihan saya. |
| 3. walaupun | Aizat meneruskan perniagaan walaupun laluanannya sukar. |
| 4. lalu | Halim memasang bendera pada tiang lalu mengibarkannya. |
| 5. sambil | Kami bersenam sambil menghirup udara segar. |
| 6. atau | Awak suka bermain hoki atau bola sepak? |
| 7. tetapi | Cuaca semalam sejuk tetapi cuaca pada hari ini panas. |
| 8. untuk | Bukan mudah untuk para pejuang tanah air mencapai kemerdekaan. |
| 9. kerana | Banyak perajurit yang terkorban kerana mempertahankan tanah air. |
| 10. agar | Encik Ratnam berharap agar usahanya menternak kambing akan membuahkan kejayaan. |
| 11. apabila | Faizal hanya berdiam diri apabila dinasihati oleh ibu bapanya. |
| 12. bahawa | Mereka sedar bahawa untuk mencapai kejayaan bukannya mudah. |
| 13. supaya | Hanis mengunci jam loceng supaya dia boleh bangun awal. |
| 14. jikalau | Saya akan bertanya kepada cikgu jikalau saya tidak faham. |
| 15. dan | Kamilia dan Sarojini bersahabat baik sejak kecil lagi. |
| 16. seraya | Hani menyapa saya seraya tersenyum. |

Halaman 62-63 (Soalan 3)

1. Fazli penjual dodol **tetapi** Pak Belalang ahli nujum.
2. Fazli **dan** Pak Belalang berusaha untuk mencapai sasaran.
3. Fazli **dan** Pak Belalang tidak berputus asa walaupun menghadapi rintangan.
4. Fazli **dan** Pak Belalang tidak mengalah justeru mencari jalan untuk menyelesaikan masalah.
5. Fazli mencari rezeki untuk keluarganya **manakala** Pak Belalang hendak mempertahankan negaranya.

TEMA 6: INTEGRITI TINGGI SAHSIAH TERPUJI

Halaman 70-71 (Soalan 3)

Kata Kerja Transitif		Kata Kerja Transitif Pasif	Kata Kerja Tak Transitif	
mencapai melaksanakan merentas membantu mempunyai memainkan memartabatkan menetapkan menjadikan memiliki mengisytiharkan	membangunkan mengadakan mendukung menggariskan meliputi mewakili memupuk memperkenalkan menerbitkan mengendalikan memperkasakan	dilaksanakan dilancarkan ditubuhkan dibangunkan dijalankan	bertindak bermoral beretika berintegriti berdaya berimpak berkaitan	bersama berkongsi berdiri

Contoh Jawapan

Pihak INTEGRITI telah **mencapai** begitu banyak kemajuan ketika **mengadakan** pelbagai program. Program yang **dilaksanakan** oleh INTEGRITI telah **merentas** semua negeri. Program yang **dijalankan** oleh INTEGRITI telah **membantu** setiap negeri tersebut **mempunyai** rakyat yang **berintegriti** tinggi. Tegasnya, pihak INTEGRITI sentiasa **bertindak** untuk **memupuk** nilai integriti dalam kalangan masyarakat.

TEMA 7: PERSAUDARAAN TANPA SEMPADAN

Halaman 82-83 (Soalan 3)

Kata Ganda Seluruh	Kata Ganda Separa	Kata Ganda Berentak	Kata Ganda Berimbuhan
sihat-sihat rakan-rakan murid-murid	lelaki	gotong-royong corat-coret	bantu-membantu bersama-sama

Contoh Ayat

- Penghuni rumah kebajikan itu **sihat-sihat** kerana mereka mendapat makanan yang berkhasiat dan gemar melakukan aktiviti riadah.
- Murid **lelaki** itu memberi fokus kepada pengajaran gurunya bagi mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan.
- Rakan-rakan** Ahmad datang menziarahinya yang sedang mendapat rawatan di hospital akibat demam denggi.
- Murid-murid** sekolah itu diingatkan agar meningkatkan disiplin mereka demi menjaga nama baik sekolah.
- Semua penduduk taman perumahan itu hadir dalam aktiviti **gotong-royong** yang diadakan pada pagi tadi.
- Sikap **bantu-membantu** harus diamalkan oleh rakyat Malaysia demi memperkukuh perpaduan dalam kalangan masyarakat.
- Pemimpin itu menulis **corat-coret** kehidupannya menjadi pemimpin masyarakat selama lebih tiga dekad untuk tatapan generasi muda.
- Penduduk taman perumahan itu **bersama-sama** membersihkan kawasan perumahan mereka.

TEMA 8: SUBUR BAHASA MEKAR SASTERA

Halaman 102-103 (Soalan 2)

Awalan		Apitan		Akhiran
berminat	pelbagai	persatuan	dipelbagaikan	hadiri
berirama	berbagai-bagai	menyertai	melalui	nantikan
bermula	berkumpulan	pencarian	pertandingan	serlahkan
mencari	terbuka	mempunyai	menguasai	paduan
berikut	selama	ketentuan	penggunaan	seruan
menyanyi	setiap	pendaftaran	mengamalkan	laungan
berlakon	terdiri	penerangan	menyerlahkan	gandingan
bersuara	termasuk	keputusan	peralihan	sasaran
peserta	ditiru	kehadiran	penyertaan	tingkatan
terpilih	dijiplak	kebolehan	digalakkan	kumpulan
bersurai	membaca	pengenalan	dihadkan	karangan
membentuk	merujuk	persembahan	disediakan	pakaian
mengikut	sebarang	berkumpulan	dibenarkan	sokongan
dikawal	menyentuh	dipersembahkan	bersesuaian	rakaman
seorang	dihantar	kesepaduan	diletakkan	susunan
peserta	penganjur	kesseragaman	pembukaan	hubungi
bertindak	sebelum	melibatkan	melebihi	alatan
sebagai	memakai	disatukan	digunakan	
secara	seragam	ditonjolkan	penutupan	
tersebut				

TEMA 10: SAINS DAN TEKNOLOGI PEMACU KEMODENAN

Halaman 126-127 (Soalan 4)

Frasa Nama	Frasa Kerja	Frasa Sendi Nama	Frasa Adjektif
<ul style="list-style-type: none"> • keselamatan diri • minyak masak terpakai • pembeku minyak • tin susu • minyak aroma • sumbu lilin • penyepit sumbu lilin • warna krayon • kulit telur • bekas lilin 	<ul style="list-style-type: none"> • menggunakan lilin • menghasilkan lilin • menyediakan bahan-bahan • nyalakan api dapur • letakkan periuk yang mengandungi air • menuangkan minyak masak terpakai • mengutamakan keselamatan diri • meletakkan tin susu • mengacau minyak masak • menggunakan lidi • mewangikan lilin • mengacau adunan • matikan api dapur • gunting tali • mengikat dua batang lidi • menggunakan getah • menyepit sumbu lilin • tuangkan adunan minyak masak • meletakkan lidi • mewarnakan lukisan • mengupas kulit telur • menggunakan kulit telur 	<ul style="list-style-type: none"> • ke dalam tin susu • pada masa yang sama • ke dalam minyak masak terpakai • ke dalam periuk • ke dalam adunan • ke dalam bekas kaca • di dalam bekas kaca • di dalam tin susu 	<ul style="list-style-type: none"> • amat mudah • berwarna merah • unik sekali

TEMA 11: ALAM ANUGERAH TERINDAH

Halaman 134-135 (Soalan 2)	
Ayat Tunggal	Ayat Majmuk
Suhu dingin menyerkup tubuhnya.	Udara sejuk, tiada pencemaran dan segala-galanya menggunakan sensor.
Dia berasa cukup selesa.	Kenderaan tanpa pemandu menggunakan kuasa elektrik dan bebas karbon.
Kita perlu balik ke Malaysia, Alif.	Itu Alif tahu ayah tetapi Alif sudah jatuh kasih akan bandar ini.
Alif tidak mahu, ayah.	Ayah percaya bahawa bandar hijau seperti Masdar ini juga ada di negara kita.
Di bandar ini, segala-galanya ada.	Suasana menghijau dengan pelbagai taman yang mengelilingi tasik cukup mengujakannya.
Di situlah tempat tumpah darah kita.	Alif tidak sangka ada bandar hijau di negara kita.
Alif seronok tinggal di bandar ini?	Bandar ini berkonsepkan bandar dalam taman yang mengutamakan alam sekitar dan kehijauan.
Setiap taman ini mempunyai daya tarikannya tersendiri.	Untuk menjayakan konsep ini, Putrajaya mewujudkan sembilan buah taman yang cantik, antaranya ialah Taman Perdana dan Taman Wawasan.
	Untuk mencapai matlamat tersebut, bas-bas di bandar ini menggunakan Gas Asli untuk Kenderaan (NGV).
	Amalan tersebut dijalankan dengan dua skala, iaitu berskala besar dan berskala kecil.

TEMA 12: TUAH DI BUMI PERMATA

Halaman 150-151 (Soalan 2)	
Ayat Susunan Biasa	Ayat Susunan Songsang
Saya tumbuhan yang terkenal.	Tumbuhan yang terkenal saya.
Saya banyak ditanam di belakang rumah atau di dalam pasu.	Di belakang rumah atau di dalam pasu, saya banyak ditanam.
Manusia menggunakan saya dalam masakan juga.	Dalam masakan juga, manusia menggunakan saya.
Jangan lupakan saya, Halia.	Saya jangan lupakan, Halia.
Saya juga memudahkan pencernaan jika dimakan.	Jika dimakan, saya juga memudahkan pencernaan.

Kita semua berguna kepada manusia.	Kepada manusia kita semua berguna.
Saya merawat kembung perut juga.	Merawat kembung perut juga saya.
Saya dan Halia bergurau saja.	Bergurau sahaja saya dan halia.
Keadaan ini menunjukkan bahawa manusia sangat memerlukan kita.	Menunjukkan bahawa manusia sangat memerlukan kita, keadaan ini.
Ya, kami bergurau saja.	Ya, bergurau saja kami.
Manusia menggunakan awak untuk mengubati sakit sendi, demam, dan radang paru-paru.	Untuk mengubati sakit sendi, demam, dan radang paru-paru manusia menggunakan awak.
Awak pun tiada kurangnya, Halia.	Tiada kurangnya awak pun, Halia.
Awak boleh memulihkan masalah mabuk laut dan mabuk dalam perjalanan.	Boleh memulihkan masalah mabuk laut dan mabuk dalam perjalanan awak.
Awak juga boleh mencegah demam dan selesema.	Boleh mencegah demam dan selesema juga awak.
Dia boleh mengurangkan kolesterol dalam tubuh badan manusia.	Boleh mengurangkan kolesterol dia dalam tubuh badan manusia.
Makan Temulawak baik untuk kesihatan hati, jantung, dan buah pinggang.	Baik untuk kesihatan hati, jantung dan buah pinggang makan Temulawak.
Manusia mencampurkan awak dengan perahan limau yang kemudian dilumurkan pada bahagian tubuh yang luka atau terseliuh.	Dengan perahan limau manusia mencampurkan awak dan kemudian dilumurkan pada bahagian tubuh yang luka atau terseliuh.
Kita semua berguna kepada manusia.	Berguna kepada manusia kita semua.
Kita berharap semoga manusia menanam kita dengan lebih banyak untuk kegunaan mereka.	Semoga manusia menanam kita dengan lebih banyak untuk kegunaan mereka kita berharap.

Ayat Susunan Songsang	Ayat Susunan Biasa
Menjadi menarik warna masakan yang menggunakan saya.	Warna masakan yang menggunakan saya menjadi menarik.
Walaupun tidak terkenal, saya boleh menambahkan selera makan.	Saya boleh menambahkan selera makan walaupun tidak terkenal.
Memang hebat awak, Lengkuas.	Awak memang hebat, Lengkuas.
Jika saya dimakan, pencernaan mudah berlaku.	Pencernaan mudah berlaku jika saya dimakan.
Untuk mengelakkan kesejukan, awak boleh dimakan oleh manusia.	Awak boleh dimakan oleh manusia untuk mengelakkan kesejukan.
Hebat sungguh awak.	Awak hebat sungguh.

Bersungguh-sungguh awak memuji saya, Lengkuas.	Awak memuji saya bersungguh-sungguh, Lengkuas.
Kepada Temulawak, jangan kita lupa.	Jangan kita lupa kepada Temulawak.
Ada-ada saja awak, Kunyit.	Awak ada-ada saja, Kunyit.
Tidak sedap rendang, jika tidak menggunakan saya.	Rendang tidak sedap jika tidak menggunakan saya.
Benar sekali kata-kata Lengkuas itu.	Kata-kata Lengkuas itu benar sekali.

TEMA 13: PERINDUSTRIAN

Halaman 162-163 (Soalan 3)

Ayat aktif	Tukarkan	Ayat pasif	Tukarkan
Mesin-mesin ini menggunakan enjin stim.	Enjin stim digunakan oleh mesin-mesin ini.	Mesin-mesin dicipta oleh manusia untuk meningkatkan produktiviti.	Manusia mencipta mesin-mesin untuk meningkatkan produktiviti.
Era ini juga membawa perubahan besar kepada sistem pengangkutan.	Perubahan besar juga dibawa oleh era ini kepada sistem pengangkutan.	Peralatan yang menggunakan elektrik mula dicipta oleh manusia.	Manusia mula mencipta peralatan yang menggunakan elektrik.
Syarikat atau organisasi menggunakan data digital secara meluas.	Data digital digunakan oleh syarikat atau organisasi secara meluas.	Minyak dan gas turut digunakan oleh manusia pada zaman ini.	Manusia pada zaman ini turut menggunakan minyak dan gas.
Anda dapat membayangkan situasi mesin akan berinteraksi dengan mesin.	Situasi mesin akan berinteraksi dengan mesin dapat anda bayangkan.	Sistem sensor digunakan oleh para pencipta secara meluas.	Para pencipta menggunakan sistem sensor secara meluas.
Sesetengah pihak mengistilahkan era ini sebagai era siber fizikal.	Era ini diistilahkan oleh sesetengah pihak sebagai era siber fizikal.	Data dikemas kini oleh komputer secara automatik.	Komputer mengemas kini data secara automatik.

TEMA 14: EKONOMI MAPAN NEGARA MAKMUR

Halaman 177 (Soalan 3)

Farhana mendapatkan kepastian daripada Cikgu Yusof tentang maklumat yang didengari berkenaan semua murid sekolah di Malaysia yang dilindungi insurans. Cikgu Yusof mengakui kebenaran tentang maklumat yang didengar oleh Farhana dan menjelaskan bahawa pihak kerajaan telah membekalkan pelan insurans kepada semua murid bermula pada peringkat prasekolah hingga tingkatan enam. Farhana berasa kagum akan maklumat yang dinyatakan oleh Cikgu Yusof namun menyatakan bahawa guru kelas tidak pernah meminta murid-murid membayar wang premium insurans tersebut. Cikgu Yusof mengakui kata-kata Farhana dan menjelaskan bahawa guru kelas tidak berbuat demikian kerana pihak kerajaan telah membayar premium yang bernilai RM1.50 kepada syarikat insurans yang berkenaan. Seterusnya, Farhana bertanya kepada Cikgu Yusof tentang bentuk perlindungan yang ditawarkan kepada semua murid melalui pelan insurans ini. Cikgu Yusof meminta Farhana membaca polisi yang ada padanya kerana semua maklumat yang diperlukan oleh Farhana ada dalam polisi tersebut.

TEMA 15: MAHUT KUALA GANDAH

Halaman 196-197 (Soalan 2)

Bil.	Kesalahan	Pembetulan
1.	...ke kiri, kanan, atas, dan bawah...	...ke kiri, ke kanan, ke atas, dan ke bawah...
2.	...apa keistimewaannya?	...apakah keistimewaannya?
3.	Untuk tahu jawapannya...	Untuk mengetahui jawapannya.../ Untuk tahu tentang jawapannya...
4.	...kunjungilah ke Pusat...	...kunjungilah Pusat.../ ...berkunjunglah ke Pusat...
5.	...satu dari...	...satu daripada...
6.	...paling menarik sekali...paling menarik.../...menarik sekali...
7.	...eko pelancongan...	...ekopelancongan...
8.	Di antara aktiviti...	Antara aktiviti...
9.	...adalah interaksi pengunjung dan gajah...	... ialah interaksi pengunjung dengan gajah...
10.	...kawalan dari para mahut...	...kawalan daripada para mahut...
11.	...melibatkan diri di dalam...	...melibatkan diri dalam...
12.	...beberapa aktiviti-aktiviti...	...beberapa aktiviti.../...aktiviti-aktiviti...
13.	...memberi lebih banyak peluang...	...memberikan lebih banyak peluang...
14.	...mengenengahkan...	...mengetengahkan...
15.	...voluntourism...	...voluntourism.../ ... "voluntourism"...
16.	Selain dari itu...	Selain itu...
17.	...terlibat di dalam...	...terlibat dalam...
18.	...kerja-kerja berkaitan gajah.	...kerja-kerja yang berkaitan dengan gajah.

19.	Adalah diharapkan aktiviti...	Diharapkan, aktiviti...
20.	...kesedaran kepada pengunjung betapa perlunya...	...kesedaran pengunjung tentang betapa perlunya...
21.	...konservasi terhadap hidupan liar terutamanya gajah.	...konservasi hidupan liar, terutamanya gajah.
22.	Mahu lihat...	Mahu melihat...
23.	...mandi bersama gajah?	...bersama-sama dengan gajah?
24.	...Sanum dan Linang.	...Sanum, dan Linang.
25.	...mematuhi arahan para-para mahut...	...patuhilah arahan para mahut...
26.	...aturan keselamatan...	...peraturan keselamatan...
27.	Saya seolah...	Saya seolah-olah...
28.	...tidak percaya dapat pegang dan belai...	...tidak percaya bahawa saya dapat memegang dan membelai...
29.	...semasa beri makanan...	...semasa memberi makanan...
30.	Pengalaman yang terindah sekali!	Inilah pengalaman saya yang terindah! /...yang indah sekali!
31.	...masa terluang...	...masa yang terluang...
32.	...membantu memandi dan menyediakan makanan...	...membantu mereka memandikan dan menyediakan makanan...
33.	1:00 tengahari	1:00 tengah hari
34.	Memerhati dan bergambar...	Memerhatikan dan bergambar...
35.	...kerja menyelamatkan gajah...	...kerja menyelamatkan gajah...
36.	...Jabatan PERHILITAN...	...Jabatan Perhilitan...
37.	...dan pertunjukkan...	...dan pertunjukan...
38.	...daripada mahut dan gajah.	...daripada mahut dengan gajah.
39.	Memandi dan memerhati...	Memandikan dan memerhatikan...



Glosari

agen sesuatu yang menyebabkan berlakunya tindak balas

akses cara atau proses untuk mencapai sesuatu data, maklumat, dan sebagainya

Ramon Magsaysay anugerah yang berpangkalan di Manila, dinamakan bersempena dengan nama Presiden Filipina yang mati dalam nahas kapal terbang, diwujudkan pada tahun 1957 untuk memberikan penghormatan kepada individu atau kumpulan yang mengubah masyarakat ke arah lebih baik

apresiasi (1) penghargaan atau penghormatan terhadap jasa dan sumbangan seseorang atau sesuatu pihak; (2) pengiktirafan dan penghayatan nilai sesuatu karya sastera atau karya seni

arthritis radang pada sendi atau tisu sendi

autoriti kuasa atau hak untuk mengeluarkan perintah dan membuat keputusan

biografi riwayat hidup seseorang

bitara tiada taranya, hanya satu-satunya

dadiah air susu (kerbau, lembu dan sebagainya) yang pekat atau telah dikentalkan

dekad jangka masa sepuluh tahun

denak burung atau binatang pemikat yang digunakan sebagai umpan untuk menangkap binatang lain

dirgahayu mudah-mudahan lanjut usia, panjang umur

domestik berkenaan hal (urusan) dalam negeri

ekokardiografi pemeriksaan jantung dengan menggunakan teknik ultrabunyi

eksplorasi penjelajahan ke lapangan untuk memperoleh sesuatu

fasa peringkat perkembangan (berkenaan pembinaan, pertumbuhan, kemajuan dan sebagainya)

fonologi istilah pengetahuan (ilmu) tentang sistem bunyi dalam bahasa

gangguan seksual perlakuan yang kurang disenangi melalui kata-kata, isyarat, sentuhan dan sebagainya yang berunsur seks

genre kategori atau jenis karya sastera atau seni yang dicirikan dengan sesuatu gaya, bentuk, atau kandungan tertentu

global (1) meliputi, mempengaruhi atau mengenai seluruh dunia, sejagat; (2) merangkumi seluruh kumpulan perkara dan sebagainya, menyeluruh

hab pusat

hibrid kacukan, bauran atau cantuman dua atau lebih entiti yang berlainan identiti dan budaya sehingga membentuk entiti baharu

holistik bersifat berkait antara satu sama lain sebagai suatu sistem bersepadu yang menyeluruh, bukan sekadar menyentuh aspek-aspek tertentu sahaja

iltizam keterlibatan yang bersungguh-sungguh dan penuh tanggungjawab dalam melaksanakan sesuatu; komitmen

imuniti keadaan tidak dapat diserang atau dijangkiti sesuatu penyakit setelah diberi suntikan pelalian dan sebagainya

inovasi sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem, dan adat

insomnia keadaan tidak dapat tidur atau sukar untuk tidur

integriti kejujuran

jambori perhimpunan besar pengakap (pandu puteri peringkat antarabangsa) yang selalunya bertaraf antarabangsa

jebak alat untuk menangkap burung atau binatang; perangkap

jerayawara persembahan, pameran, ceramah dan sebagainya yang diadakan oleh seseorang atau sekumpulan orang (penyanyi, ahli politik, dan sebagainya) yang berkunjung dari satu tempat ke tempat lain dengan tujuan memberikan hiburan, menjelaskan sesuatu isu kepada orang ramai, mempromosikan sesuatu dan sebagainya

kardiovaskular berkaitan dengan jantung dan saluran darah

karotena sejenis pigmen hidrokarbon yang berwarna kuning, jingga atau merah, dan terdapat semula jadi dalam tumbuhan seperti lobak merah dan lain-lain

kata pinjaman perkataan yang diambil daripada bahasa asing

kendiri sendiri

kercang sejenis alat permainan tradisional yang biasanya diperbuat daripada rotan yang disusun secara berlapis-lapis mengikut peringkat kesukarannya dan popular dalam kalangan Orang Asli

khat tulisan tangan yang cantik; kaligrafi

kolesterol komponen asid lemak tepu yang terdapat dalam lemak haiwan seperti mentega dan kuning telur, yang dikatakan mempunyai kesan buruk kepada sistem pengedaran darah

kompeten mempunyai kebolehan, pengetahuan dan kemahiran untuk melakukan sesuatu dengan cekapnya atau dengan jayanya

konservasi pemeliharaan atau penjagaan sesuatu secara tersusun bagi mengatasi kerosakan, kemusnahan, dan lain-lain

konsulat jawatan konsul

koordinasi saling hubungan (yang dapat melicinkan perjalanan sesuatu), jalinan pertalian (tindakan, gerakan, dan sebagainya) antara bahagian dan lain-lain yang terlibat (dalam kegiatan dan lain-lain); penyelarasan

langka jarang-jarang berlaku (terjadi, ada, dan lain-lain)

langkit sejenis corak kain pua

lestari tidak berubah-ubah, kekal, tetap

mahut penjaga gajah

mantan pernah menjawat jawatan tertentu (berkenaan seseorang); bekas

media sosial media untuk berkomunikasi seperti *Facebook, Twitter, Instagram, Whatsapp*

melestarikan menetapkan, mengekalkan

memorandum dokumen yang merakamkan syarat-syarat perjanjian

memorial sesuatu yang dibina untuk memperingati seseorang tokoh atau sesuatu peristiwa bersejarah

merekayasa melakukan penerapan unsur ilmu, budaya, dan sebagainya dalam perancangan, mekanisme kerja, dan lain-lain sebagai asas melakukan sesuatu
modus operandi cara untuk melakukan sesuatu
morfologi istilah kajian berkenaan dengan bentuk kata atau pembentukan kata
mural lukisan atau gambar yang besar pada dinding

nomofobia fobia tanpa telefon bimbit

pemugaran pemulihan semula, pembaikan kembali, pembaharuan
perantisan proses pemerolehan pengetahuan dan kemahiran dengan cara bekerja
pH ukuran tentang keasidan atau kealkalian sesuatu larutan dengan skala 0 hingga 14, iaitu pH 7 menunjukkan larutan yang neutral, kurang daripada 7 menunjukkan larutan berasid dan lebih daripada 7 menunjukkan larutan beralkali

podium pentas tempat berucap

polio penyakit yang disebabkan oleh sejenis kuman yang merosakkan urat saraf dan menjadikan penghidapnya lumpuh

postur posisi atau sikap tubuh seseorang, terutamanya semasa duduk, berdiri, dan sebagainya

premium insurans sejumlah bayaran yang ditetapkan bagi pelan insurans

rizom batang seperti akar yang tumbuh mendatar di dalam tanah atau pada permukaan tanah

serungkup selungkup, bahagian yang tertutup, menutupi rapat-rapat, melindungi
siap siaga sudah bersedia

siber berkaitan dengan komputer atau Internet

simfoni sejenis gubahan muzik yang panjang untuk dimainkan oleh orkestra

sintaksis istilah ilmu atau kajian tentang susunan kata dalam ayat

skoliosis suatu bentuk kecacatan tulang belakang

sogit pampasan, dendaan

stres keadaan resah, cemas, tegang, dan sebagainya akibat tekanan mental atau fizikal

tabata sejenis latihan kecergasan

tating lawi sejenis permainan tradisional yang menating bola lawi; capteh, tating bulu ayam, sepak yem atau sebuyam

tibow sejenis permainan tradisional suku kaum Melanau

toksin bahan beracun yang dihasilkan oleh bakteria

transformasi perubahan bentuk

ufti persembahan (wang, bunga emas, dan sebagainya) yang diberikan oleh negara-negara kecil kepada negara-negara besar sebagai tanda mengakui kebesaran dan kekuasaannya

vaksin sediaan bakteria, virus dan sebagainya yang sudah mati atau dilemahkan untuk disuntik atau ditanam ke dalam badan supaya menghasilkan daya tahan terhadap penyakit tertentu

vaksinasi proses menyuntik vaksin ke dalam tubuh seseorang

veteran (1) bekas askar (perajurit, pejuang); (2) jaguh lama (dalam gelanggang bola sepak dan lain-lain); bekas pemain; (3) orang yang banyak pengalamannya dalam sesuatu perkara

virus hidupan seni yang menyebabkan penyakit dan menularkannya

visi tanggapan dan pandangan yang jauh dan mendalam, terutamanya yang berkaitan dengan perkembangan masa depan dan sebagainya; wawasan

waswas berasa bimbang atau ragu-ragu

zumba sejenis latihan kecergasan

Senarai Rujukan

- A. Samad Ismail, 1993. *A. Samad Ismail di Singapura*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- A. Samad Ahmad, 2000. *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*. Edisi Pelajar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Zaki Ismail, 2011. *Formula Usahawan Berjaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Alias Derais, 2008. *Man Krup Krap*. Kuala Lumpur: KarnaDya Solutions Sdn. Bhd.
- Anak Bumi Tercinta*, 2003. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 1999. Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamdan Jaafar, Bah Piyon Tan, dan Yusri Atan, 2012. *Panduan Memilih Ikan Segar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kertas Konsep Bicara Berirama Sekolah Menengah*, 2017. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khairul Najib Asarulhan Khan. "Cacat Tak Halang Penuntut UIAM Tawan Gunung" dlm. *Berita Harian*, 22 September 2017.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, dan Abdul Hamid Mahmood, 2008. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmah Ismail, Sakina Shaik Ahmad Yusoff, dan Shamsuddin Suhor, 2015. *Undang-undang Pengguna dan Keadilan Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sejarah Tingkatan 2*, 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsul Anuar Nasarah dan Ahmad Shahar Nasarah, 2015. *Tingting Gula Batu*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Faaizah Ismail, 2009. *Didik Anak Jadi Usahawan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Tangaprabu Murthy dan Mary Fatimah Subet, 2018. *Imej Rumput dalam Peribahasa Tamil: Suatu Kajian Semantik Inkuisitif*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Portal Rasmi:
- Adiguru. <http://www.kraftangan.gov.my/maklumat-kraf-2/tokoh-kraf> (dicapai pada 15 Oktober 2017).
- Apakah Itu Rabies? Ketahui Tanda, Gejala, Pencegahan dan Tindakan yang Perlu Dilakukan Sekiranya Dijangkiti. <https://m.facebook.com/KementerianKesihatanMalaysia> (1 Julai 2017) (dicapai pada 15 Oktober 2017).
- Dr. Norhayati Rusli. Melancong dalam Keadaan yang Sihat. <http://www.myhealth.gov.my/melancong-dalam-keadaan-yang-sihat-dan-perindungan-yang-baik> (dicapai pada 4 November 2017).

Herba Rawat Penyakit Ikan. <http://www.utusan.com.my/sains-teknologi/sains/herba-rawat-penyakit-ikan-1.399851#ixzz4z6iD6EZ2> (dicapai pada 18 Oktober 2017).

Mohd Nasaruddin Parzi. "PIPOA rencana hala tuju pendidikan Orang Asli". dlm. *BH Online*, 5 Mei 2017.

Mustaffa Abdullah, 20 Disember 2016. "Halatujju Pendidikan Selepas PT3 Antara-Laluan Akademik atau Pendidikan Vokasional di Kolej Vokasional". <http://halatuju.com/mustaffabdullah/halatuju-pendidikan-selepas-pt3-antara-laluan-akademik-atau-pendidikan-vokasional-di-kolej-vokasional> (dicapai pada 30 September 2017).

Sejarah Bendera Malaysia. <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/1584-sejarah-bendera-malaysia.html> (dicapai pada 2 Oktober 2017).

Situasi Terkini Kes Rabies. <https://kpkesehatan.com/2017/07/24/kenyataan-akhbar-kpk-24-julai-2017-situasi-terkini-rabies-di-sarawak> (21 November 2017).

Tokoh-tokoh Usahawan OKU yang Berjaya. <http://www.majalahniaga.com/tokoh-tokoh-usahawan-oku-yang-berjaya.html> (dicapai pada 30 September 2017).

<http://tourismperakmalaysia.com/wp-content/uploads/2017/04/Perak-Fun-Map-Web.jpg> (dicapai pada 23 November 2017).

<https://www.tourism.gov.my> (dicapai pada 18 September 2017).

<http://www.myhealth.gov.my/tips-keselamatan-seni-mempertahankan-diri> (dicapai pada 2 Disember 2017).

www.infosihat.gov.my (dicapai pada 6 September 2017).

www.skmm.gov.my (dicapai pada 17 September 2017).

www.myhealth.gov.my (dicapai pada 27 September 2017).

www.petronas.com.my (dicapai pada 13 November 2017).

<http://integriti.my/> (dicapai pada 5 Oktober 2017).

<http://www.sprm.gov.my/> (dicapai pada 19 Oktober 2017).

<http://www.utusan.com.my/> (dicapai pada 29 September 2017).

<https://sites.google.com/site/webpkjr/amon-web-pkjr> (dicapai pada 10 Ogos 2017).

<http://ais.utm.my/myev/> (dicapai pada 22 Ogos 2017).

<http://www.pinterest.co.uk/pin/382665299566095655> (dicapai pada 22 Ogos 2017).


<http://www.halal.gov.my/v4/> (dicapai pada 29 Ogos 2017).

<http://www.bnm.gov.my/> (dicapai pada 6 Oktober 2017).

<http://www.Bharian.com.my> (dicapai pada 1 November 2017).

<http://www.mdi.gov.my> (dicapai pada 17 September 2017).

<https://www.nsc.gov.my/kejohanan/sukan-sea> (dicapai pada 18 Oktober 2017).



- ACID 114, 134, 204
aktiviti berbahasa 101, 108, 109
ayat 6, 7, 8, 9, 10, 12, 17, 19, 21, 26, 30, 31, 33,
38, 39, 61, 62, 63, 82, 83, 87, 92, 107, 150,
151, 152, 153, 154, 155, 156, 157, 162, 163,
167, 169, 172, 189, 195, 197, 202, 203, 208,
209, 210, 211
ayat aktif 19, 162, 172
ayat pasif 19, 162, 172
- berbicara 43, 55, 69, 81, 113, 119, 147, 161
berbincang 49, 175, 189
berita 11, 48, 59, 68, 91, 101, 142
bersoal jawab 49, 101, 133, 171, 175
bertatasusila 8, 9, 22, 23, 42, 43, 48, 49, 54, 55,
69, 81, 101, 112, 113, 119, 133, 146,
147, 161, 174, 175
berunding 87, 125, 203
bicarawara 54
bina ayat 30, 39, 62, 70, 78, 82, 126, 128, 152,
162
- cakap ajuk 176, 177, 184
cakap pindah 176, 177, 184
cerpen 18, 19, 48, 49, 63, 120, 121, 135, 150,
166, 167, 170, 171, 185, 198
CHATT 136
- drama 10, 19
- forum 146, 147
frasa 39, 61, 106, 107, 126, 127, 129, 130
- gramatis 21, 26, 33, 59, 61, 72, 73, 75, 77, 85,
87, 99, 102, 103, 107, 110, 111, 123, 125,
127, 136, 137, 139, 150, 151, 153, 156,
167, 169, 178, 179, 181, 189, 192, 193,
195, 202, 203, 206, 207, 208, 209
- gurindam 13, 88, 89
- ilustrasi 68, 69, 190, 191
imbasan 10, 70
inkuiri penemuan 9, 108
intonasi 4, 5, 17, 18, 19, 60, 61, 75, 103, 107,
180, 181
istilah 2, 3, 6, 7, 10, 11, 13, 22, 23, 171
- janakan 106
- kata adjektif 30, 31, 39
kata ganda 82, 83
kata nama 8, 9, 23, 38
kata pinjaman 8, 9, 22, 23
kata tugas 51, 63
kerangka penulisan 46, 47, 58
kesalahan bahasa 49, 95, 194, 196, 197
kiasan dan peribahasa 32, 33, 152, 153
kreatif 5, 9, 34, 38, 49, 59, 68, 69, 77, 85, 88, 89,
100, 101, 102, 103, 109, 110, 111, 122, 123,
128, 137, 138, 140, 164, 167, 190, 191, 192,
193, 198, 206, 207, 208, 209
kreativiti 1, 9, 12, 103, 119, 127, 130, 179, 185
- laporan 1, 5, 42, 59, 161
laras bahasa 4, 5, 18, 19
- maklumat tersurat 167, 209
membuat ulasan 45, 57, 149, 162, 163
mengadaptasi 73, 140, 141, 151, 165, 171, 179
menganalisis 31, 35, 43, 55, 69, 81, 113, 115,
118, 119, 146, 147, 161, 204
menganalisis isu 55, 113, 118, 146, 147, 161
menganalisis isu semasa 43, 55, 69, 81, 113,
119, 147, 161
menganalisis maklumat 31, 35, 83, 95, 115

mengapresiasi karya 11, 25, 121, 139
mengedit dan menyunting 183
mengemukakan pendapat 21, 26, 33, 109,
121, 135, 191, 205
mengkategorikan 29
mengkritik 139, 153, 195
mengulas 71, 80, 89, 97, 167, 177, 209
mengulas maklumat 63, 71, 89, 97, 177
menjanakan idea 38
menukar struktur ayat 135, 151, 163, 177
menyampaikan pidato 61, 75, 107, 181
menyunting ayat 155, 183, 197, 211

nada 61

panduan 21, 31, 52, 83, 94, 97, 114, 115, 152,
198
perenggan 12, 13, 32, 50, 72, 73, 76, 77, 78, 84,
85, 92, 98, 99, 102, 103, 104, 172
perenggan penutup 104
perkataan 2, 3, 8, 12, 13, 22, 23, 38, 40, 49, 52,
78, 92, 99, 143, 191, 213
pidato 59, 60, 61, 75, 90, 106, 107, 180, 181
prosa 11, 63, 69, 73, 101, 103, 109, 121, 127,
137, 141, 151, 165, 169, 178, 179, 190, 191
puisi 25, 56, 57, 73, 89, 101, 103, 109, 139, 143,
179, 209

QUACK 190

rangkai kata 2, 3, 6, 7, 13, 22, 23
respons 11, 25, 29, 31, 35, 83, 94, 95, 115, 120,
121, 134, 139
ringkasan 126, 127, 136, 137, 142, 169

sajak 88, 108, 128, 139, 143
sebutan 4, 5, 19
situasi formal 55, 112, 113, 119, 147
SQ4R 96
struktur ayat 19, 134, 135, 151, 163, 177
sumbang saran 106

ulasan keseluruhan 36, 37, 44, 45, 56, 57, 148,
149, 156, 163
ungkapan 2, 3, 6, 7, 13, 22, 23, 81

Skrip Pendengaran

TEMA 2

1.1.2 Mendengar dan Bertutur

Usah Biar Kemurungan Menghantuimu – muka surat 16

- Sofea: Siew Mei, tahukah awak tentang apa yang berlaku kepada Risha? Saya nampak dia seperti gelisah dan tidak tenteram. Ketika saya menegurnya, dia tidak mempedulikan saya.
- Siew Mei: Setahu saya, Risha suka menyendiri akhir-akhir ini. Semalam, dia seakan-akan cuba melarikan diri daripada saya. Padahal, saya tidak buat apa-apa kesalahan terhadap dia. Bahkan hari itu, saya dan kawan-kawan mengajaknya bermain monopoli, tetapi dia tidak mahu sertai kami. Hairan betul! Sebelum ini dia amat menggemari permainan ini.
- Sofea: Berdasarkan apa yang awak cakap dan saya lalui, saya rasa dia mengalami kemurungan.
- Siew Mei: Oh, patutlah dia kelihatan pucat sekali! Jika hal ini dibiarkan, dia akan menghadapi gangguan kesihatan.
- Sofea: Bukan masalah itu sahaja, Siew Mei. Dia juga akan mengalami kemerosotan prestasi pelajaran.
- Siew Mei: Seterusnya tentu dia akan mengalami perasaan rendah diri dan terlibat pula dalam masalah yang lebih teruk seperti ponteng sekolah.
- Sofea: Berdasarkan pembacaan saya, ada juga orang yang mengalami kemurungan ini terlibat dalam pengambilan dadah atau alkohol. Lebih teruk lagi, ada yang bertindak membunuh diri.
- Siew Mei: Alamak, kita mesti membantu dia dengan segera! Apa yang patut kita buat?

TEMA 2

1.2.1 Mendengar dan Bertutur

Hindari Nomofobia – muka surat 22

Kawan-kawan, sila dengar perkataan yang saya sebutkan ini dengan telitinya:

moden
penyakit
telefon bimbit
komunikasi tanpa sempadan
media sosial
Internet
cegah sebelum parah
nasi telah menjadi bubur

Agaknya, mengapakah saya sebutkan perkataan, rangkai kata, istilah, dan ungkapan tadi? Untuk pengetahuan kawan-kawan, saya ingin memerihalkan ketagihan tingkah laku yang berkaitan dengan penggunaan telefon bimbit secara berlebihan yang dikenali sebagai nomofobia. Nomofobia bermaksud fobia tanpa telefon bimbit.

Dalam era moden ini, ketagihan tingkah laku yang berkaitan dengan penggunaan telefon bimbit ini wujud secara tidak langsung dalam kehidupan kita. Di sebalik manfaat dapat berkomunikasi tanpa sempadan dengan adanya talian Internet dalam telefon bimbit, kita berhadapan dengan masalah lain pula.

Ketagihan untuk berkomunikasi secara aktif di media sosial mengakibatkan kita terleka menggunakan telefon bimbit untuk tempoh masa yang sangat panjang. Kawan-kawan, masalah ini bukan lagi masalah yang remeh-temeh tetapi masalah yang mampu menimbulkan pula masalah lain yang lebih berat. Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu dalam hal ini seperti dalam peribahasa Melayu cegah sebelum parah. Jangan biarkan situasi nasi sudah menjadi bubur menimpa kita.

TEMA 3

1.3.1 Mendengar dan Bertutur

Daripada Sebuah Basikal ... - muka surat 28

Yang dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Tuan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Bitara Jaya, penolong-penolong kanan, guru-guru dan seterusnya murid-murid sekalian. Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Pertama sekali, saya mengucapkan terima kasih kerana menjemput saya menyampaikan ceramah yang bertajuk “Penyakit-penyakit Berbahaya dan Cara Menanganinya.”

Para hadirin,

Mutakhir ini, semakin ramai orang yang menghadapi penyakit yang berbahaya. Antaranya ialah penyakit jantung dan darah tinggi. Penyakit ini merupakan pembunuh senyap. Banyak faktor seseorang itu menghadapi penyakit ini, namun faktor utamanya ialah kolesterol yang tinggi akibat amalan pemakanan yang tidak sihat.

Selain itu, masyarakat sekarang juga terdedah kepada penyakit osteoporosis. Penyakit ini disebabkan tulang kekurangan tisu yang menjadikannya mudah patah walaupun dengan terjatuh sedikit atau terhantuk. Punca utama tulang kekurangan tisu ialah kekurangan kalsium dan vitamin D.

Penyakit lain yang turut berbahaya ialah artritis. Penyakit ini disebabkan berlakunya radang atau bengkak pada sendi. Penghidap penyakit ini mengalami kesakitan dan terganggu keupayaan fizikal. Rawatan penyakit ini memerlukan kos yang tinggi meliputi ubat-ubatan dan kos penjagaan pesakit.

Para hadirin,

Akhir-akhir ini, bilangan individu yang mengalami stres di negara kita semakin bertambah. Punca utama berlakunya peningkatan ini ialah tekanan hidup yang semakin bertambah. Kegagalan mengawal stres ini mengundang pelbagai masalah seperti tekanan mental dan kemurungan sekali gus boleh menjejaskan kesejahteraan masyarakat dan negara.

Kita selalu mendengar ungkapan yang menyebut mencegah lebih baik daripada mengubati. Kaedah yang paling baik untuk mencegah penyakit adalah dengan mengamalkan gaya hidup sihat seperti melakukan aktiviti fizikal. Kini, aktiviti fizikal yang semakin popular di negara kita ialah berbasikal. Aktiviti ini banyak manfaatnya kepada kesihatan terutama untuk menangani masalah-masalah penyakit yang saya terangkan tadi.

Saya rasa setakat ini ceramah saya. Sebelum saya mengundurkan diri, saya ingin mengingatkan para hadirin agar menjaga kesihatan diri. Sesungguhnya, kesihatan merupakan anugerah yang sangat berharga. Sekian, terima kasih.

TEMA 3

1.3.2 Mendengar dan Bertutur

Kembara Chinlone – muka surat 34

Pada Sukan SEA 2017, skuad chinlone Malaysia telah berjaya menggondol pingat emas dalam acara 'linking'. Bersama-sama dengan saya ialah kapten pasukan chinlone negara, iaitu saudara Izuan Affendi Azlan.

Azmi: Assalamualaikum, saudara Izuan.

Izuan: Waalaikumussalam.

Azmi: Bolehkah saudara terangkan bagaimanakah saudara boleh bergiat aktif dalam sukan ini?

Izuan: Saya bergiat aktif dalam sukan ini apabila saya ditawarkan untuk mengikuti latihan di Myanmar pada tahun 2013. Latihan tersebut sebagai persiapan menghadapi Sukan SEA di Myanmar yang mempertandingkan chinlone buat pertama kali.

Azmi: Bagaimanakah perasaan saudara apabila terpilih menjalani latihan tersebut?

Izuan: Sudah tentu saya teruja. Sebanyak 10 orang atlet chinlone Malaysia berlatih di Myanmar bersama-sama dengan skuad chinlone Myanmar.

Azmi: Apakah cabaran-cabaran yang saudara hadapi sepanjang menjalani latihan di sana?

Izuan: Banyak cabaran yang saya hadapi. Antaranya ialah suhu panas yang mencecah 40 darjah celsius, masalah makanan, persekitaran dan budaya, serta kekurangan infrastruktur. Namun, perkara-perkara tersebut tidak melemahkan semangat saya.

Azmi: Apakah pandangan saudara mengenai permainan chinlone ini?

Izuan: Pada pandangan saya, sukan chinlone ini permainan yang sukar. Pemain memerlukan masa yang lama untuk menguasainya. Pemain juga perlu memiliki ketahanan fizikal, mempunyai kelembutan, dan mahir mengawal bola.

Azmi: Bagaimanakah caranya untuk memastikan sukan ini dapat berkembang di negara kita?

Izuan: Pada pandangan saya, untuk mengembangkan sukan ini, chinlone harus diajarkan pada peringkat sekolah. Guru-guru haruslah diberikan latihan untuk melatih murid-murid mereka.

Azmi: Apakah harapan saudara kepada kemajuan sukan ini?

Izuan: Saya berharap agar negara kita menjadi kuasa besar dalam sukan ini. Saya yakin dengan usaha pelbagai pihak, harapan ini dapat dicapai.

Azmi: Terima kasih, saudara, atas informasi ini. Saya berharap agar usaha saudara dan rakan-rakan saudara memartabatkan sukan chinlone ini akan berjaya.

Izuan: Sama-sama.

TEMA 4

1.4.1 Mendengar dan Bertutur

Gangguan Seksual – muka surat 42

Juruhebah Radio: Para pendengar sekalian, sekarang kita bersama-sama dengan Saudari Khairul Najiha binti Shamsuddin. Baru-baru ini, kisah Saudari Najiha mempertahankan diri daripada diganggu oleh seorang lelaki telah tular di media sosial. Kita akan menemu bual Saudari Najiha tentang isu tersebut. Apa khabar, Saudari Najiha?

Saudari Najiha: Khabar baik.

Juruhebah Radio: Boleh Saudari Najiha ceritakan kisah yang tular di media sosial itu.

Saudari Najiha: Salam sejahtera, para pendengar sekalian. Pada waktu itu, saya berjalan kaki pulang dari sekolah. Saya menyedari seorang lelaki mengekori saya. Dia cuba memeluk saya dari belakang lalu saya telah menendangnya. Selepas itu, dia melarikan diri.

Juruhebah Radio: Wah, Saudari Najiha telah menendangnya! Adakah Saudari Najiha belajar seni mempertahankan diri?

Saudari Najiha: Ya, saya belajar tae kwan do.

Juruhebah Radio: Saudari Najiha bernasib baik kerana belajar seni mempertahankan diri. Saya berpendapat bahawa setiap remaja patut mempelajarinya.

Saudari Najiha: Ya, saya bersetuju. Seni mempertahankan diri boleh digunakan untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

Juruhebah Radio: Saudari Najiha belajar tae kwan do di mana dan bila?

Saudari Najiha: Saya belajar tae kwan do di sekolah pada setiap hari Sabtu.

Juruhebah Radio: Pada pendapat Saudari Najiha, adakah penting setiap remaja menguasai seni mempertahankan diri?

Saudari Najiha: Ya, pada pendapat saya, sangat penting.

Juruhebah Radio: Mengapa?

Saudari Najiha: Berita tentang gangguan seksual agak kerap kita dengar dan baca. Oleh hal yang demikian, kita perlu bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan seandainya diganggu.

Juruhebah Radio: Benar, Saudari Najiha. Apakah yang perlu dilakukan lagi untuk mengelakkan gangguan seksual?

Saudari Najiha: Kita juga perlu berhati-hati dengan orang yang melihat kita dengan pandangan yang mencurigakan. Selain itu, kita sewajarnya memakai pakaian yang sopan dan tidak mencolok mata.

Juruhebah Radio: Di sekolah pula, andai kata Saudari Najiha diganggu, apakah tindakan yang Saudari Najiha ambil?

Saudari Najiha: Saya akan membuat laporan kepada pihak sekolah jika ada orang yang mengganggu saya secara lisan, pandangan atau perbuatan.

Juruhebah Radio: Bijak sekali tindakan Saudari Najiha itu. Jangan biarkan gangguan tersebut berterusan, beritahu ibu bapa. Buat laporan polis jika gangguan berterusan dan bertambah teruk. Baik, Saudari Najiha. Terima kasih kerana sudi ditemu bual.

Saudari Najiha: Terima kasih kembali.

TEMA 5

1.4.2 Mendengar dan Bertutur

Kekurangan Bukan Halangan – muka surat 54

Azzrulkhan Hasrullah Matsah, atau lebih mesra dengan panggilan Adam, sedang giat menjalani latihan sebagai persediaan untuk menawan Gunung Everest. Dia berharap agar latihannya mencukupi bagi mengelakkan sebarang masalah ketika mendaki Gunung Everest nanti.

Kekurangan diri tidak menjadi halangan kepada Adam untuk aktif dalam aktiviti mendaki bukit dan gunung. Walaupun berstatus orang kurang upaya kerana penyakit polio, pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa, Universiti Islam Antarabangsa itu sudah mendaki lebih 30 bukit dan gunung di negara ini termasuk Gunung Kinabalu.

Anak keempat daripada sembilan beradik ini berasal dari Kuching, Sarawak. Adam hanya menggunakan kekuatan kedua-dua tangan sambil merangkak untuk sampai ke setiap puncak bukit atau gunung yang didakinya. Katanya, sejak di sekolah rendah, dia memendam hasrat untuk melakukan pelbagai aktiviti lasak sama seperti adik-beradiknya yang aktif bersukan.

Menurut Adam, apabila dia melihat rakan berkongsi gambar mereka di puncak bukit dan gunung melalui *Facebook*, keinginannya semakin membuak-buak. Pada tahun 2014, Bukit Broga menjadi lokasi pertama yang didaki oleh Adam. Sebaik selesai mendaki, dia terus memberitahu ibunya. Tanpa disangka ibunya memahami, menyokong dan sentiasa memberikan semangat kepadanya.

Sejak berjaya mendaki Bukit Broga, dia semakin bersemangat untuk melakukan aktiviti berkenaan sekurang-kurangnya sekali sebulan. Menurut Adam, aktiviti yang dilakukannya itu bukan untuk mendapat pujian atau sanjungan, sebaliknya untuk kepuasan diri dan sebagai dorongan kepada orang kurang upaya yang lain.

TEMA 5

1.6.1 Mendengar dan Bertutur

Semarak Patriotisme – muka surat 60

Selamat sejahtera saya ucapkan kepada saudara pengerusi majlis, para hakim yang bijaksana, Tuan Pengetua, guru-guru dan rakan-rakan seperjuangan. Berdirinya saya di pentas yang ceria ini adalah untuk menyampaikan pidato yang bertajuk “Menyemarakkan Patriotisme dalam Kalangan Remaja”.

Hadirin yang dihormati,

Sebelum mengupas tajuk pidato ini, saya terlebih dahulu akan menjelaskan maksud perkataan yang menjadi tunjang pidato saya. 'Patriotisme' bermaksud perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air. 'Remaja' pula merujuk kepada individu yang berusia dalam lingkungan 15 hingga 25 tahun. Remaja yang patriotik bersedia dan sanggup berkorban untuk mempertahankan tanah air. Terdapat beberapa langkah yang boleh diambil untuk menyemarakkan semangat ini dalam kalangan remaja.

Hujah pertama saya berkisar tentang hakikat bahawa patriotisme perlu dipupuk sejak di bangku sekolah lagi. Peribahasa Melayu ada mengatakan bahawa melentur buluh biarlah dari rebungunya. Pada peringkat ini, murid-murid perlu disedarkan tentang perjuangan tokoh-tokoh terdahulu dalam memerdekakan tanah air yang tercinta ini. Dengan itu, perasaan cinta akan negara akan tertanam dalam jiwa mereka.

Hadirin sekalian,

Hujah saya yang kedua berlandaskan premis media massa berperanan menyemarakkan patriotisme. Hal ini boleh dilakukan dengan cara radio dan televisyen menyiarkan lagu-lagu patriotik untuk menyemarakkan patriotisme dalam kalangan masyarakat. Filem-filem yang bertemakan perjuangan seperti *Bukit Kepong* dan *Leftenan Adnan* juga boleh disiarkan. Secara tidak langsung, kasih sayang terhadap negara dapat dipupuk melalui saluran media massa ini.

Dua hujah telah saya utarakan, kini menyusul hujah saya yang terakhir. Badan-badan bukan kerajaan juga boleh memainkan peranan dalam meningkatkan semangat patriotisme ini. Badan-badan ini boleh merancang aktiviti yang melibatkan pelbagai kaum di bandar dan di luar bandar. Sebagai contoh, mereka boleh menganjurkan forum tentang patriotisme. Dalam forum tersebut, tokoh-tokoh akademik dipanggil untuk memperkatakan kepentingan patriotisme.

Hadirin yang dimuliakan,

Kesimpulannya, usaha-usaha untuk memupuk semangat patriotisme perlu digerakkan dengan lebih giat. Hal ini dikatakan demikian kerana patriotisme dapat melahirkan warganegara yang cinta akan tanah air. Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu dan memainkan peranan masing-masing agar patriotisme subur dalam kalangan masyarakat.

Hendak memetik kacang kelisa,
Waktu redup di hujung halaman;
Rakyat patriotik negara sentosa,
Sejahtera hidup sepanjang zaman.

Sekian, terima kasih.

TEMA 6

1.4.1 Mendengar dan Bertutur Maklumat Palsu – muka surat 68

Media sosial, media sosial, media sosial. Anda tentu tahu bahawa media sosial menjadi pilihan utama pelbagai lapisan masyarakat untuk berkomunikasi pada masa ini. Pemilik telefon pintar atau alat peranti lain yang dilengkapi talian Internet dapat menggunakan media sosial untuk berkomunikasi dengan sesiapa sahaja pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Melalui media sosial, pengguna dapat bertukar-tukar maklumat dalam bentuk tulisan, gambar, audio mahupun video. Mudah sungguh berkomunikasi menggunakan media sosial. Namun, sedarkah anda bahawa media sosial juga menjadi medium untuk menyebarkan maklumat yang tidak benar?

Pada masa ini, terlalu banyak maklumat yang tidak benar disebarkan secara sengaja atau tidak sengaja oleh mana-mana pihak. Ada juga pihak yang berlumba-lumba untuk menjadi orang pertama menyebarkan maklumat atau berita yang sensasi walaupun tidak pasti kebenaran berita tersebut.

Sepatutnya, kita mestilah mempunyai integriti yang tinggi, iaitu mengamalkan sikap tanggungjawab, jujur, dan amanah sebelum menyebarkan sesuatu maklumat. Mengapa? Anda tentu sedar bahawa perbuatan kita tentu membawa kesan dan akibat, sama ada kepada orang lain atau diri kita sendiri!

Persoalannya, sanggupkah anda berdepan dengan risiko yang tidak perlu diambil? Tepuk dada tanyalah selera.

TEMA 8

1.3.2 Mendengar dan Bertutur

Martabatkan Bahasa Melayu – muka surat 94

Narator: Sebagai bahasa kebangsaan, penggunaan bahasa Melayu perlu dimartabatkan. Mari kita dengar pendapat orang ramai berhubung dengan hal ini.

Intan Mazwin binti Mohd Khalil (Guru): Saya selalu menjalankan program kebahasaan untuk menggalakkan murid-murid saya berbahasa dengan baiknya demi memartabatkan bahasa Melayu.

Tamilselvam a/l Nagarajan (Pekerja Swasta): Di kilang ini terdapat pekerja daripada pelbagai kaum. Pekerja asing juga banyak bekerja di sini. Mereka berusaha mempelajari dan menggunakan bahasa Melayu dengan baiknya. Oleh sebab itu, saya tidak faham akan sikap sesetengah rakyat Malaysia. Mereka tidak mengendahkan penggunaan bahasa Melayu yang betul. Mereka tidak sepatutnya menggunakan bahasa rojak dalam perbualan atau berhubung melalui media sosial.

Nurul Shahrina binti Mat Saad (Pelajar Universiti): Kita sepatutnya menggunakan bahasa Melayu tanpa ragu-ragu. Bahasa kebangsaan ini mampu digunakan dalam apa-apa jua bidang. Bahasa Melayu perlu dimartabatkan dengan menggunakannya dalam pelbagai sektor seperti kewangan, kesihatan, perundangan, dan sebagainya.

Lum Yat Kwai (Murid Sekolah): Saya mempelajari bahasa Melayu dengan bersungguh-sungguh kerana bangga akan bahasa ini. Saya tidak mempelajari bahasa ini semata-mata untuk lulus dalam peperiksaan sahaja. Semasa di bangku sekolah inilah peluang kita untuk belajar tentang penggunaan bahasa Melayu yang gramatis dan indah. Seterusnya, penggunaan bahasa yang baik ini tidak terhenti setelah tamat persekolahan. Kita sewajarnya terus menggunakan bahasa Melayu yang sempurna dalam kehidupan kita sehari-hari.

Narator: Demikian pendapat orang ramai tentang penggunaan bahasa Melayu. Sebagai rakyat Malaysia, kita tidak boleh meremehkan penggunaan bahasa kebangsaan ini dalam semua urusan. Marilah kita sama-sama memartabatkan bahasa kebangsaan kita.



TEMA 12

1.4.2 Mendengar dan Bertutur

Penternakan Kerbau- muka surat 146

Saya dan keluarga telah berpeluang melawat Buffalo Park Langkawi. Ini video yang saya hasilkan selepas berkunjung ke tempat tersebut. Sesudah 30 minit perjalanan dengan kereta dari pekan Kuah, kami tiba di Buffalo Park Langkawi. Sewaktu tiba di sini, aroma bau rumput dan bau kerbau menyambut kedatangan kami.

Selepas menjelaskan bayaran masuk, kami menuju ke kandang kerbau. Seorang pekerja telah menunjukkan cara-cara untuk memerah susu kerbau. Kami juga telah diberikan kesempatan untuk memerah susu. Bukan mudah rupa-rupanya.

Kerbau di sini jinak-jinak belaka. Kami berpeluang untuk memberikan kerbau ini makan rumput benggala. Selain rumput, kerbau-kerbau di sini juga diberi palet untuk dimakan. Selain di kandang, terdapat juga kerbau yang dilepaskan di padang. Di sini terdapat padang ragut untuk kerbau meragut rumput secara bebas.

Semasa berkunjung ke sini, kami tidak melepaskan peluang untuk menunggang kerbau. Sebagai langkah keselamatan, kami dipandu oleh pekerja ladang. Waktu mula-mula naik ke belakang kerbau, kami berasa gayat. Namun demikian, setelah agak lama berada di atas kerbau, kami berasa agak selesa dan seronok.

Kami juga telah mengambil beberapa keping gambar di ladang ini sebagai tanda kenang-kenangan. Sebelum pulang, kami menikmati keenakan susu kerbau serta dadih, yogurt dan aiskrim yang dibuat daripada susu haiwan tersebut. Hasrat kami untuk makan stik kerbau tidak tercapai kerana kami perlu bergegas ke Pantai Chenang.

Demikianlah pengalaman saya dan keluarga di ladang kerbau yang terletak di Langkawi. Sebagai anak kota yang tidak biasa dengan suasana desa, pengalaman ini amat bermakna.

TEMA 13

1.8.2 Mendengar dan Bertutur

Jenis-jenis Produk PKS - muka surat 166

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) terus mengorak langkah untuk memberikan sumbangan yang cukup bermakna kepada ekonomi negara. Sehingga hari ini, sumbangan industri ini amat membanggakan negara.

Tahukah anda bahawa salah satu perniagaan yang termasuk dalam PKS ialah percetakan dan pembungkusan? Permintaan terhadap percetakan dan pembungkusan amat menggalakkan. Produk-produk seperti kad jemputan perkahwinan, sijil, kepala surat, sampul, pelekat, brosur, katalog, poster, dan lain-lain dihasilkan secara meluas.

Selain itu, produk-produk lain seperti kotak bagi produk, beg kertas, kotak cenderamata dengan rekaan yang cukup menarik mendapat permintaan yang amat memberangsangkan. Kreativiti yang ditampilkan pada rekaan kotak pembungkusan menunjukkan kualiti produk PKS ini setanding dengan produk yang sama pada peringkat antarabangsa.

Berdasarkan tinjauan yang dilaksanakan, bidang percetakan dan pembungkusan ini mempunyai potensi yang baik untuk menjanakan pendapatan pengusaha PKS ini. Perniagaan ini turut membekalkan peluang pekerjaan kepada orang ramai.

Saya berharap semoga bidang percetakan dan pembungkusan Perusahaan Kecil dan Sederhana di negara ini akan terus berkembang maju dan menjadi pemangkin kepada kestabilan ekonomi negara.

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks			
Sekolah _____			
Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: _____

Tarikh Penerimaan: _____

BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL